



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

**TRANSKRIP TEMU BUAL BERSAMA ENCIK MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID
@ ABDULLAH, TOK DALANG WAYANG KULIT SRI NERANG KEDAH**

NURUL FATIEHAH BINTI RAMLI

(2016652386)

NUR FAZILA BINTI MOHAMAD NASIR

(2016652382)

FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT

SEMESTER SEPTEMBER 2017-JANUARI 2018

KANDUNGAN

ABSTRAK	1
PENGHARGAAN	2
SENARAI SINGKATAN	3
BIODATA PENEMUBUAL	4-5
BIODATA TOKOH	6
Pengenalan	7
KAJIAN LITERATUR	8-9
TRANSKRIP TEMUBUAL	10-71
LOG TEMUBUAL	72-77
INDEKS	78-80
RALAT	81
RUJUKAN	82
LAMPIRAN	
- PERJANJIAN	83
- SENARAI SOALAN	84-87
- DIARI PENYELIDIKAN	89
- GAMBAR	90-91

ABSTRAK

Transkrip ini mengandungi dokumentasi daripada temubual bersama tok dalang wayang kulit Sri Nerang iaitu Encik Nazri bin Hamid @ Abdullah. Satu temuramah telah diadakan pada 4 November 2017 di Kuala Nerang, Kedah. Sejarah wayang kulit Sri Nerang diceritakan. Cara menggunakan patung wayang kulit dan alat muzik semasa berlangsungnya persembahan telah diceritakan dengan lebih jelas. Beberapa isu yang selalu dikaitkan dengan wayang kulit juga telah diceritakan dengan lebih terperinci.

Kata kunci: Kuala Nerang, Kedah, wayang kulit Sri Nerang, wayang kulit pantai timur, Sejarah wayang kulit Sri Nerang, Patung wayang kulit, .

PENGHARGAAN

Assalamualaikum W.B.T

Alhamdulillah bersyukur ke hadrat illahi kerana dengan limpah dan kurniaNya dapat juga kami menyiapkan hasil kerja yang telah kami usahakan ini dengan jaya dan sempurna.

Seterusnya ribuan terim kasih kami ucapkan kepada individu penting yang banyak membantu kami untuk menyiapkan hasil kerja ini. Pertama sekali kepada Dr Azree bin Ahmad selaku pensyarah untuk Oral Documentation (IMR 604) kerana beliau banyak memberi bimbingan serta tunjuk ajar untuk kami sepanjang menyiapkan hasil kerja ini.

Tidak lupa juga kepada rakan-rakan seperjuangan yang sama-sama berhempas pulas dalam menyempurnakan tugas masing-masing. Bantuan kalian tentang hasil kerja ini amat kami hargai.

Akhir sekali terima kasih kepada pihak-pihak yang membantu kami secara langsung dan tidak langsung sepanjang hasil kerja ini disiapkan.

SENARAI SINGKATAN

Dengaq Dengar

Nak Hendak

Ni Ini

JKKM Jabatan Kementerian Kesenian Malaysia

KL Kuala Lumpur

La Sekarang

Pasai Pasal

Pelek Loghat

RM Ringgit Malaysia

Takda Tidak Ada

Tu Itu

Tak Tidak

BIODATA PENEMUBUAL



Nama : Nurul Fatiehah Binti Ramli

Umur : 23 Tahun

Tarikh Lahir : 5/11/1995

Alamat :

Tempat Lahir : Kuala Krai Kelantan

Pekerjaan : Pelajar

Status : Bujang

Email :

No Telefon :



Nama : Nur Fazila Binti Mohamad Nasir

Umur : 23 Tahun

Tarikh Lahir : 1/6/1995

Tempat Lahir : Hosppital Besar Kuantan

Alamat :

Pekerjaan : Pelajar

Status : Bujang

Email :

No Telefon :

BIODATA TOKOH



Nama : Muhammad Nazri Bin Hamid@Abdullah

Alamat :

Tarikh Lahir : 22/2/1975

Umur : 42

No Telefon :

Profesion : Bekerja Sendiri

Status : Berkahwin

PENGENALAN

Pengkajian ini adalah mengenai Wayang Kulit Sri Nerang yang terdapat di Sri Nerang Kedah. Melalui pembacaan kami selepas sesi temubual bersama Tok Dalang Wayang Kulit Sri Nerang pada 4 November 2017 ialah kami dapat mengetahui tentang sejarah wayang kulit yang sudah bergenerasi- bergenerasi bermula daripada kerajaan kedah tua dahulu. Wayang kulit juga sebenarnya berasal daripada Indonesia dan Indonesia juga yang membawa masuk wayang kulit ini ke negeri kedah. Selain itu juga, jika diikutkan wayang kulit sekarang juga bukannya berasal daripada Thailand tetapi milik kedah itu sendiri, ini kerana selepas kita menjadi Malaysia dan juga Siam Natkon menetap di Siam dan selepas itu orang mula bercerita yang wayang kulit ini milik Siam tetapi hakikatnya wayang kulit ini bermula daripada kedah tua dahulu lagi manakala di Siam wayang kulit kebanyakannya hanya berada di Natkon Sitamarat dan manakala Patalon pula bermula watak-watak utama wayang kulit itu. Disebabkan wayang kulit ini merupakan warisan sepanjang zaman dan tidak terdapat di semua negeri kami telah bercadang untuk menjalankan kajian serta mengetahui dengan lebih terperinci tentang wayang kulit Sri Nerang yang terdapat di negeri kedah ini dan kami juga telah menemubual sendiri Tok Dalang untuk Wayang Kulit Sri Nerang ini. Antara objektif kajian yang dilakukan adalah untuk mendapatkan lebih maklumat dan mengetahui tentang wayang kulit Sri Nerang ini serta memupuk semangat generasi muda untuk mengetahui lebih terperinci tentang wayang kulit ini.

KAJIAN LITERATUR

Hasil pengkajian ini adalah untuk mengkaji tentang seni budaya wayang kulit yang terdapat di Malaysia ini. Wayang kulit sering kali kita dengari di sebelah pantai timur iaitu negeri Kelantan. Wayang kulit di negeri Cik Siti Wan Kembang itu bukan lah sesuatu yang baru dan tidak asing malah jika ditanya kepada sesiapa pun wayang kulit di pantai timur pasti ramai yang mengetahuinya walaupun tidak melihat di depan mata seni persembahan wayang kulit tersebut. Tetapi di zaman yang moden serba canggih ini seni persembahan wayang kulit semakin lama semakin tidak kita dengari malah persembahan wayang kulit di pantai timur juga sudah jarang sekali kita dengari, ianya sesuatu yang sangat menyedihkan kerana seni persembahan wayang kulit itu merupakan seni temurun temurun daripada generasi kita sejak dari zaman dahulu lagi kerana generasi kita zaman sekarang kurang mengambil tahu dan tidak berminat untuk mempelajarinya lagi.

Oleh yang demikian, selain daripada wayang kulit yang terdapat di pantai timur kami juga mendapat maklumat di negeri Kedah juga terdapat wayang kulit yang masih bergiat aktif dari dahulu sehingga sekarang. Ianya amat mengejutkan kerana ramai yang masih tidak mengetahui tentang kewujudan wayang kulit di negeri Kedah ini yang bernama Wayang Kulit Sri Nerang. Kami telah melakukan pengkajian daripada laman sesawang Google untuk mengetahui serta mendapatkan maklumat dengan lebih terperinci lagi tentang Wayang Kulit Sri Nerang ini. Daripada situ juga kami menjumpai laman page Facebook yang digunakan oleh wayang kulit Sri Nerang Kedah ini yang berkongsi dengan orang ramai tentang tempat persembahan serta video-video dari persembahan mereka yang mengikuti perkembangan mereka walau bagaimanapun selepas menemubual Encik Muhammad Nazri bin Hamid @ Abdullah kami mengetahui banyak maklumat yang tidak dikongsi di Laman Facebook dan hanya diceritakan melalui hasil temubual kami.

Ianya diusahakan oleh Encik Muhammad Nazri Bin Hamid@Abdullah, beliau merupakan generasi ketujuh selepas generasi beliau yang seterusnya yang masih lagi membawa nama wayang kulit Sri Nerang di negeri Kedah ini. Hasil daripada

pengkajian kami bersama beliau kami dapati wayang kulit Sri Nerang Kedah ini selalu menerima undangan daripada orang ramai untuk melakukan persembahan seperti di majlis-majlis kahwin. Walau bagaimanapun ianya masih tidak dikenali dan masih ramai juga yang tidak mengetahui di negeri Kedah ini wujudnya wayang kulit yang masih bergiat aktif daripada dahulu sehingga sekarang. Hasil daripada temubual kami bersama Encik Nazri bin Hamid @Abdullah kami telah mendapat banyak maklumat yang sangat berguna yang tidak boleh diperolehi daripada laman page Facebook wayang kulit Sri Nerang seperti sejarah wayang kulit, perbezaan wayang kulit pantai timur dan Sri Nerang serta dari segi alat muzik dan patung wayang kulit.

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK MUHAMMAD NAZRI BIN
HAMID @ ABDULLAH TOK DALANG WAYANG KULIT SRI NERANG
MENGENAI WAYANG KULIT SRI NERANG KEDAH**

PELAJAR :	Sebelum tu kami nak minta izin untuk rekod sebagai bukti kami.
MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID @ ABDULLAH :	Haa takpa [tidak apa] takpa [tidak apa] rekod ja [sahaja] la.
PELAJAR :	Kami nak panggil apa ni ?
MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID @ ABDULLAH :	Panggil abang E pun takpa [tidak apa] nak panggil pak teh pun takpa [tidak apa], panggil lah. Gelaran orang sini-sini panggil abang E la, anak- anak menekan [saudara] panggil pak teh.
PELAJAR :	Kita mulakan dengan latar belakang macam nama, umur, anak berapa orang ?
MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID @ ABDULLAH :	Abang E nama Muhammad Nazri bin Hamid atau Abdullah la. Pahtu [selepas itu] umur empat puluh dua main wayang kulit ni [ini] kalau ikut tu [itu] daripada kecik- kecik [kecil-kecil] kira kata dah [sudah] sedaq-sedaq (sedar- sedar) tu [itu] dah [sudah] duk [duduk] kat atas panggung wayang dah [sudah] pasai [kerana] wayang kulit kita ni [ini] dia [wayang kulit] dah [sudah]

bergenerasi-generasi dah [sudah] orang kata dah [sudah] berapa generasi dah [sudah] lepas satu satu lepas satu satu sampai la abang E lani [sekarang]... tujuh, kira abang E ni [ini] generasi ke tujuh dah [sudah] la.

PELAJAR :

Yang pasal latar belakang tu, boleh abang E bagitahu tarikh lahir dengan anak berapa orang ?

**MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID
@ ABDULLAH :**

Okay abang E tarikh lahir dua puluh dua hari bulan dua tujuh puluh lima lepaih [selepas] tu [itu] ada anak dua ni ha ni perempuan ja [sahaja], sorang (seorang) laki (lelaki) sorang [seorang] perempuan sorang (seorang) la.

PELAJAR :

Boleh tak abang E ceritakan sedikit tentang sejarah wayang kulit ?

**MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID
@ ABDULLAH :**

Sejarah wayang kulit.. Sejarah wayang kulit yang ikut pengalaman yang Abang E tahu dari generasi ke generasi lah kita kata yang diceritakan tu [itu] dia [wayang kulit] bermula daripada wayang kulit bermula daripada kerajaan kedah tua dulu [dahulu]. Wayang kulit kalau nak [hendak] ikut tu [itu] dia [wayang kulit] betui-betui [betul-betul] berasal dari indon [Indonesia] lah, indon (Indonesia) yang bawa masuk wayang kulit ke negeri kedah

ni [ini]. Dulu [dahulu] wayang kulit, bukan dulu [dahulu] la lani [sekarang], wayang kulit kalau nak [hendak] ikut lani [sekarang] depa [mereka]) kata macam kita Kedah kan berasal daripada negeri Siam la negeri Thailand, sebenarnya [sebenarnya] wayang kulit yang di negeri Kedah dia [wayang kulit] bukan berasal daripada Thailand tau [tahu] dia [wayang kulit] memang berasal daripada Kedah sendiri, tu [itu] pasai [pasal] dulu [dahulu] Kedah kan Kedah kita dulu [dahulu] banyak sampai sampai ke apa Natkon sampai mana kan. Dia wayang kulit ni [ini] berasal daripada hak Kedah sendiri selepas tu [itu] bila dah [sudah] kita dah [sudah] jadi Malaysia jadi siam apa kita kata kan terus Natkon ni [ini] pi [pergi] duduk sebelah Siam lepas [selepas] tu [itu] orang kata apabila dah [sudah] jadi sebelah Siam tu [itu] orang kata wayang kulit ni [ini] hak Siam la. Sebenanya [sebenarnya] wayang kulit ni [ini] dia [wayang kulit] bermula daripada Kedah kita la Kedah tua dulu [dahulu] kan kita kata tu [itu] sebenarnya [sebenarnya]. Negeri Siam dia wayang kulit cuma ada sebelah bawah saja [sahaja] kita panggil macam Natkon Sitamarat tu [itu] banyaknya Natkon la di Natkon la mula

jadi wayang kulit di Natkon Sitamarat, di Pattalung tu, dia [wayang kulit] bermula daripada situ la kita kata pasal ada watak-watak dia [wayang kulit] yang dari dulu [dahulu] sampai la [sekarang] kita katakan dia [wayang kulit] watak orang Pattalun tu [itu] sendiri macam watak watak utama la kita kata lawak-lawak tu [itu] kita kata dia memang orang Pattalun la, tu [itu] cerita dia [wayang kulit].

PELAJAR :

Kiranya macam abang E kata tadi abang E ni generasi yang ke tujuh kan, kiranya abang E belajar pasal wayang kulit ni daripada nenek moyang, datuk zaman dulu lagi ?

**MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID
@ ABDULLAH :**

Abang E ni [ini] orang kata apa anak cucu cicit ha macam tu [itu].

PELAJAR :

Kiranya kita kata macam warisan la ?

**MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID
@ ABDULLAH :**

Memang belajar dari keluarga sendiri kiranya macam warisan la warisan asli.

PELAJAR :

Kiranya keluarga abang E yang pegang wayang kulit Sri Nerang ni [ini] ?

**MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID
@ ABDULLAH :**

Sri Nerang ni [ini] kalau nak [hendak] ikut tu [itu] memang abang E pun memang abang E dah sedaq- sedaq [sedar-sedar] tu [itu] memang dah [sudah] ayah main wayang kulit lepaih [selepas] tu [itu] mai

[mari] wan la kan kita panggil sini wan main wayang kulit lepaih [selepas] tu [itu] nek [nenek] pun main wayang kulit memang daripada dulu [dahulu] lagi main wayang kulit selepas tu [itu] abang E tak [tidak] boleh nak [hendak] habaq [bagitahu] la kan macam mana wayang kulit jadi macam mana kita boleh main wayang kulit tu [itu] abang E tak [tidak] tau [tahu] la, tapi [tetapi] yang setakat yang abang E ingat tu [itu] memang dah [sudah] enam tujuh ni [ini] memang dah [sudah] main wayang kulit dah [sudah].

PELAJAR :

Kecil-kecil dulu abang E sebagai penonton, kiranya start umur berapa Abang E mula main wayang kulit pada umur berapa tahun ?

**MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID
@ ABDULLAH :**

Abang E start main dalam dua puluh tahun ada la wayang kulit start main la baru mula main kalau nak [hendak] ikut yang kita main alat muzik dia tu [itu] dari kecik la ingat-ingat tu [itu] dah [sudah] main la orang kata kan.

PELAJAR :

Kiranya mula-mula biasakan main dengan alat muzik dulu kemudian dengan wayang kulit ?

**MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID
@ ABDULLAH :**

Ha baru la dengan persembahan tu [itu] sendiri baru [baharu] jadi dalang la orang

PELAJAR :

kata.

Berapa lama masa abang E nak mahir wayang kulit ?

**MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID
@ ABDULLAH :**

Nak [hendak] mahir wayang kulit banyak tahun juga la kot [sebenarnya], tapi abang E ni [ini] orang kata apa dah [sudah] ada basic dah [sudah] kita kata kan dah [sudah] tengok teknik orang tua-tua kita main macam mana jadi kita tak [tidak] teruk la belajar tak [tidak] teruk la, kalau takda [tiada] basic tu [itu] mungkin lambat sikit kot [kebiasanya] lambat sikit la pasal teknik dia [wayang kulit] tu [itu] banyak teknik berjalan dia [wayang kulit] teknik menari dia [wayang kulit] satu, lepaih [selepas] tu [itu] IQ lagi kita nak [hendak] cepat-cepat sampai kan lambat juga la bagi abang E la kan kalau takda [tiada] basic, jadi abang E ni [ini] macam dah [sudah] ada dah [sudah] jadi kita cepat la mudah la sambil main tu [itu] kita dah [sudah] sambil belajar dah [sudah] tengok macam mana macam mana kan nak [hendak] mahir.

PELAJAR :

Wayang kulit ni banyak watak kan berapa orang yang biasa main dengan abang E ni ?

MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID

Dalang sorang [seorang] je [sahaja] la.

@ ABDULLAH :

PELAJAR :

Kiranya yang ramai-ramai pegang tu ?

MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID

Yang ramai-ramai tu [itu] kita sendiri la

@ ABDULLAH :

sorang [seorang] tu [itu] je [sahaja], itu yang abang E kata tadi kan hak [yang] tu [itu] yang kita jadi susah nak [hendak] jadi lambat tu [itu] watak ni [ini] dia [watak wayang kulit] cakap apa okay dia [watak wayang kulit] cakap orang takda [tiada] hidung ka [ke] kita kata la kan, bila berkelahi misal la bertekar ka (ke) bercakap ka [ke] automatik kena hak [yang] ni [ini] terus ubah mai hak ni teruih ubah mai [mari] hak [yang] ni [ini] kena ubah suara dia [watak wayang kulit] besaq [besar] lagu [yang] mana sorang [seorang] la hak [yang] tu [itu] kadang-kadang kita jadi lambat kita pegang-pegang tu [watak wayang kulit] jadi hak [yang] ni [ini] cakap apa dak [tidak] tau [tahu]. Ha macam tu [itu] nak [hendak] mahir tu [itu] la.

PELAJAR :

Jadi yang alihkan suara semua watak-watak semasa persembahan itu hanya Abang E seorang sahaja ?

MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID

Abang E sorang [seorang] ja [sahaja].

@ ABDULLAH :

PELAJAR :

Biasanya kalau kita sebut pasal wayang kulit mesti orang tahu kat kelantan je kan , jadi apa perbezaan wayang kulit pantai timur dan juga wayang kulit Sri Nerang di Kedah ?

**MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID
@ ABDULLAH :**

Beza dia [wayang kulit] kalau nak ikut beza, bagi abang E rasa beza tu [itu] agak banyak la, pasai [sebab] kata salah satu macam alat muzik dia [wayang kulit] macam sebelah pantai timur dia [wayang kulit] banyak main teruih [terus] ala indon [Indonesia] dia [wayang kulit] macam main ala indon [Indonesia] teruih [terus] lepaih [selepas] tu [itu] gambar dia [wayang kulit] watak-watak dia [wayang kulit] memang banyak ala ke indon [Indonesia]) macam Seri Rama la kita katakan kita guna watak utama depa [wayang kulit] kan Seri Rama, Sutra Dewi tu [itu] banyak teruih [terus] daripada indon [Indonesia] alat muzik dia pun banyak melibatkan banyak alat muzik macam kita katakan dia banyak daripada pengaruh indon dia banyak macam kita disini pengaruh dia [wayang kulit] macam kita kata pengaruh thai [Thailand] la yang banyak gambaq [gambar] apa dia semua memang siam la kita kata ikut cara kedah tua dulu la ikut cara siam la senang kita kata cara siam sebelah Kedah kita tu [itu]

yang beza dia [wayang kulit]. Macam gambaq [gambar] dia [wayang kulit] pun watak dia berbeza banyak juga la berbeza la. Ha itu la cerita beza dia.

PELAJAR :

Kiranya yang Sri Nerang ikut ala thai [Thailand] ?

MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID

@ ABDULLAH :

Sri Nerang banyak ikut ala thai [Thailand] pantai timur ikut banyak ala indon [Indonesia]. Tapi kita tak [tidak] boleh kira bercakap bila kalau bercakap di belah [sebelah] pantai timur dia tak [tidak] cakap [bercakap] indon [Indonesia] la kita katakan dia banyak orang kata apa bahasa kelantan la tapi kalau sebelah kita sini memang cakap melayu la banyak kita katakan persembahan zaman melayu kena melayu la tapi unsur tradisi dia [wayang kulit] macam syair dia [wayang kulit] kena masih dalam bahasa thai [Thailand] lagi la sikit-sikit ja [sahaja] la pasai [sebab] orang kata apa tak [tidak] mau [mahu] bagi hilang tradisi wayang kulit yang sebenar tu [itu] kita katakan.

PELAJAR :

Adakah kat kedah ni ada Wayang Kulit Sri Nerang saja ke ?

MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID

@ ABDULLAH :

Wayang kulit kalau ikut betul-betul dulu ada dua, dulu [dahulu] banyak la dulu [dahulu] banyak tapi zaman orang tua-tua

dulu [dahulu] kita kata banyak la tapi kita cakap la [sekarang] la kan, lani [sekarang] Sri Nerang saja [sahaja] la satu Sri Asung satu tapi Sri Asung tu [itu] dah [sudah] takda [tiada] dalang dia [wayang kulit] la kita katakan dah [sudah] takda [tiada] dah [sudah] pastu [selepas itu] setakat ni [ini] takda [tiada] dalang pengganti lagi la setakat la [ini].

PELAJAR :

Wayang Kulit Sri Nerang ini selalu terlibat dengan majlis-majlis kahwin ke ?

MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID

@ ABDULLAH :

Ya dengan kebudayaan la, selalunya untuk orang kawin [kahwin] la kita kata kan majlis ni [ini] kan malam bila malam dia melibatkan santai-santai la macam kenduri kawin [kahwin] la yang kerap [selalu] bukan tu [itu] ja [sahaja] bukan semestinya majlis kawin [kahwin] ja [sahaja] kadang-kadang program orang buat program apa tu [itu] memang kadang-kadang malam tu depa [mereka] panggil wayang kulit la untuk buat persembahan tu [itu] sampai sekarang ni [ini].

PELAJAR :

Wayang Kulit Sri Nerang ni pernah mendapat anugerah ?

MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID

@ ABDULLAH :

Belum lagi. Belum dapat lagi.

PELAJAR :

Sepanjang abang E uruskan Wayang Kulit Sri Nerang ni apa cabaran yang biasa atau susahnye nak handle ?

MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID

@ ABDULLAH :

Dia cabaran tu [itu] salah satu awal-awal sekali disiplin. Disiplin maklum saja [sahaja] la bukan kita sorang bila melibatkan lima enam orang dia disiplin tapi hak [yang] tu [itu] yang kita dalam kumpulan sendiri la itu satu tu [itu] kita kata sikit-sikit ja [sahaja] la tak [tidak] jadi beban la. Cabaran dia kadang-kadang tu [itu] *show* tu [itu] la sebenarnya [sebenarnya] kadang-kadang *show* pengurusan lah *show* kadang-kadang pukul sembilan depa [mereka] habaq [bagitahu] kata pukul sembilan kadang-kadang depa [mereka] dah [sudah] mula lapan setengah hak [yang] ni [ini] la yang kadang-kadang abang E jadi betul-betul pening la kadang-kadang depa [mereka] kata pukul sembilan *show* kita mula pukul sembilan bila pukul sembilan biasa la kan selalunya memang lepas isyak apa-apa pun tapi kadang-kadang dia [show] pi [pergi] jadi lapan setengah automatik lapan setengah, setengah jam kita tak [tidak] akan duduk disitu bila kita tak [tidak] duk [duduk] tang [disitu] tu [itu] la dia akan timbul masalah orang kata tak [tidak] berdisiplin la. Orang kata

kita tak [tidak] disiplin la hak [yang] ni [ini] la cabaran abang E yang abang E rasa susah nak [hendak] perbaik la kita kata. Lepas [selepas] tu [itu] dengan apa soalan-soalan yang pelik-pelik bukan pelik macam mana bila selalu kita main lepas kita main kita turun-turun tu [itu] orang akan teruih [terus] apa serbu, serbu macam mana tu [itu] tanya okay-okay takpa ni depa serbu tanya abang E main dengan hantu ka [ke] ?

PELAJAR :

Kenapa tanya main dengan hantu. Maksudnya ?

**MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID
@ ABDULLAH :**

Maksud dia [penonton] bila kita main tu [itu] kadang-kadang hak [yang] ni [ini] suara ni [ini] hak ni suara ni dia cepat-cepat depa [mereka] kata dia [dalang] ni [ini] main dengan hantu ni [ini], kejap-kejap tu [itu] boleh tukar suara, astagfirullahalazim. Takpa la tu [itu] yang orang tanya masalah dia orang tak [tidak] bertanya ni [ini] depa [mereka] teruih [terus] buat anggapan sendiri hak tu [itu] bukan masalah apa dia menjahanamkan wayang kulit la jadi masalah pada wayang kulit la sapa-sapa [siapa-siapa] pun selepas ni [ini] yang berminat nak [hendak] main wayang kulit automatik depa [mereka] kata ish dia

[dalang] ni [mereka] kena main dengan hantu.

PELAJAR :

Dia masih fikir tu unsur mistik?

**MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID
@ ABDULLAH :**

Ha tu [itu] la. Depa [mereka] masih pikiaq [fikir] wayang kulit ni [ini] kena ada unsur mistik.

PELAJAR :

Dia wayang kulit takda [tiada] baca mantera semua kan ?

**MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID
@ ABDULLAH :**

Dia [wayang kulit] takda [tiada] dulu [dahulu] ada tu [itu] kita tak (tidak) nafi dulu [dahulu] memang ada tak [tidak] kira la sebelah kelantan ka [ke] sebelah Siam semetelah la kan sebelah kita sendiri pun dulu [dahulu] memang ada unsur mistik kalau nak [hendak] cakap bab mistik la memang ada unsur mistik dulu [dahulu] tapi macam kita lani [sekarang] kita dah [sudah] tak [tidak] pakai dah [sudah] unsur mistik tu [itu] pasai [pasal] nak [hendak] pakai unsur mistik dulu [dahulu] orang pakai unsur mistik untuk lawan lawan okay lawan panggung sana panggung sini tu [itu] lawan la jadi depa [mereka] terpaksa menggunakan unsur mistik ni [ini] la.

PELAJAR :

Selain dari Abang E seorang siapa lagi yang bersama Abang E bawa nama

	Wayang Kulit Sri Nerang ?
MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID @ ABDULLAH :	Selain dari Abang E cuma alat-alat muzik dia [wayang kulit] ja [sahaja] la orang-orang dia tu kan.
PELAJAR :	Kiranya abang E ada anak-anak buah, PA la ?
MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID @ ABDULLAH :	Ha ada-ada ada la tiga empat orang lagi yang tolong yang <i>handle</i> la kita katakan.
PELAJAR :	Kiranya abang E ada anak didik bawah abang E ?
MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID @ ABDULLAH :	Ada-ada tak [tidak] la ramai mana dalam tujuh lapan orang ja [sahaja] la kita kata.
PELAJAR :	Kiranya setiap kali ada persembahan mereka akan ikut juga ?
MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID @ ABDULLAH :	Ha depa [mereka] akan ikut la.
PELAJAR :	Boleh tak abang E ceritakan cerita apa yang selalu dilakonkan semasa wayang kulit tu ?
MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID @ ABDULLAH :	Apa dia dulu [dahulu] orang dulu [dahulu] kita nak [hendak] main wayang kulit dulu [dahulu] orang kata apa ada istilah buka panggung, mula-mula buka panggung la lepas buka panggung main ja [sahaja] la main terus ja [sahaja] la. Dia takda [tiada] la istilah nak [hendak] kena

upacara-upacara pelik-pelik biasa la pelik-pelik tapi [tetapi] orang dulu [dahulu] kata tak [tidak] pelik la kan cuma kita kata takda [tiada] la benda-benda tu [itu] macam ada yang setengah-setengah tu [itu] abang E pernah tengok sendiri dia pakai melayu kita melayu kita abang E pernah tengok dia pakai pulut apa telur tak [tidak] tahu la mungkin cara la kita katakan cara dia ha tu [itu] ada juga dulu [dahulu].

PELAJAR :

Yang tu lebih kepada memuja kan ?

MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID

Ha tu [itu] la yang tu [itu] abang E tak

@ ABDULLAH :

[tidak] nak [hendak] kata apa la abang E tak [tidak] nak [hendak] komen la dia lebih pada unsur memuja la.

PELAJAR :

Biasanya kalau abang E buat persembahan kan, cerita apa atau sketsa yang selalu abang E bawa untuk persembahan ?

MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID

Abang E guna banyak teknik dia yang kata teknik bukan teknik macam mana kadang-kadang kita buat show kita tengok apa yang orang di situ nak [hendak], macam dia kata kadang-kadang dia mintak untuk apa kalau boleh sampaikan mesej apa-apa macam apa okay la kita kata ayaq [air] ketum ka [ke] kadang-kadang kan kampung depa

@ ABDULLAH :

[mereka] kan banyak muda-muda ayaq [air] ketum okay depa [mereka] panggil kita main depa [mereka] suruh selitkan hak [yang] ni [ini] la yang banyak mesej yang tak [tidak] baik tak [tidak] sihat lepaih [selepas] tu [itu] kita sendiri kena cari la apa yang melibatkan tentang ayaq [air] ketum tu [itu] tu [itu] apa dia dadah dia apa dia hak [yang] tu [itu] untuk mesej yang kita nak [hendak] sampai kan tu [itu] tapi macam kat rumah kenduri selalunya depa [mereka] lebih kepada hiburan saja [sahaja] depa [mereka] tak [tidak] kisah sangat la kalau kata yang penting lawak seronok macam tu [itu] ja la kecuali la melibatkan kerajaan la kita kata bila melibatkan kerajaan depa [mereka] habaq [bagitahu] dalam mesej siap-siap apa yang depa [mereka] nak [hendak] kita sampaikan tu [itu] lepaih [selepas] tu [itu] kita sampaikan ja [sahaja] la.

PELAJAR :

Maksudnya setiap tempat tu takkan dapat sketsa yang sama la ?

MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID

Ha tak [tidak] dapat tak [tidak] dapat.

@ ABDULLAH :

PELAJAR :

Tengok atas permintaan ?

MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID

Ha tengok atas permintaan lah.

@ ABDULLAH :

PELAJAR :

Kebiasaannya untuk sesuatu majlis berapa lamakah masa diambil untuk satu-satu sketsa tu ?

**MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID
@ ABDULLAH :**

Dia [wayang kulit] kita main ikut cerita macam main cerita apa kita katakan okay hari ni [ini] kita main ibarat la cerita apa dalam cerita tu [itu] kita akan selit nasihat unsur apa-apa saja dalam satu cerita tu selama tengok la selama dua jam selalunya dua jam la abang E pun tak [tidak] tahan lebih-lebih.

PELAJAR :

Dua jam untuk satu sketsa ?

**MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID
@ ABDULLAH :**

Paling lama dua jam, kadang - kadang ada sampai lima jam pun ada hak [yang] tu [itu] biasa la kita katakan kadang-kadang main satu malam.

PELAJAR :

Maknanya selama dua jam itu tanpa berhenti ?

**MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID
@ ABDULLAH :**

Ha takda [tiada] la teruih [terus] dua jam tu [itu] abang E kata setakat dua jam abang E boleh la lebih pada dua jam abang E pun tak [tidak] boleh la, suara tak [tidak] tahan la orang kata kan. Tu [itu] rumah kenduri la kalau melibatkan kerajaan show yang kerajaan panggil ni kita cuma sejam macam tu [itu] ja [sahaja] la.

PELAJAR :	Kiranya abang E terima juga la untuk majlis formal ?
MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID @ ABDULLAH :	Terima terima kalau nak [hendak] ikut kita duduk bawah JKMM negeri Kedah la memang duduk bawah depa [mereka] la.
PELAJAR :	Sebelum persembahan yang sebenar, berapa lama masa yang diambil untuk latihan ?
MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID @ ABDULLAH :	Dia berlatih tu [itu] boleh kata dilakukan tiap-tiap minggu sebenarnya [sebenarnya] macam alat muzik hak [yang] tu [itu] saja yang kita nak [hendak] berlatih pun macam dalang takda [tiada] berlatih la bagi abang E la tapi [tetapi] kadang-kadang kita pi [pergi] baru depa [mereka] habaq [bagitahu] untuk apa untuk apa jadi la [saat] tu [itu] dalang kena duk [duduk] senyap sat [kejap] la cari idea apa yang aku nak [hendak] cakap sat [kejap] lagi.
PELAJAR :	Kiranya dari segi alat muzik dengan patung tu abang E buat sendiri ke tempah?
MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID @ ABDULLAH :	Kadang - kadang kita buat sendiri macam kita perlu la kan perlu kita buat la sendiri sikit-sikit tapi yang sebenarnya [sebenarnya] abang E banyak beli sebelah

sana [Siam] la sebelah Siam.

PELAJAR :

Mahal tak harga patung ?

**MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID
@ ABDULLAH :**

Ada yang mahal ada yang murah ada yang paling murah yang mahal tu [itu] cantik sikit la kalau kita tengok pun menarik la kita katakan dia pahtu [selepas itu] tengok watak pulak macam watak lawak-lawak ni dia [patung wayang kulit] banyak lebih kepada hitam-hitam semua hitam-hitam tu dia [patung wayang kulit] murah la sikit.

PELAJAR :

Maknanya satu patung itu boleh digunakan untuk banyak sketsa atau cerita ?

**MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID
@ ABDULLAH :**

Boleh dia [patung] ibarat macam pelakon la kadang-kadang orang kata apa macam pelakon kita kan hak [yang] ni [ini] dia [pelakon] main cerita ni [ini] dia [pelakon] berlakon ni [ini] esok lusa dia [pelakon] main lain pulak ha macam tu [itu] la dia [patung wayang kulit] boleh untuk banyak la. Tu [itu] salah satu beza dia [wayang kulit] dengan sebelah negeri Kedah dan Kelantan, macam Kelantan dia [watak patung] macam satu watak memang khusus watak tu [itu] macam kata gambaq [gambar] gasi [gergasi] dia kan watak dia pun haluman, haluman dia tak [tidak] boleh tak [tidak] akan ada

	banyak watak kalau kata haluman okay ni [ini] la rupa haluman macam kata seri rama ni [ini] la Seri Rama dia [watak patung] tak [tidak] akan boleh siti nurhaliza ka [ke] tak [tidak] boleh macam tu [itu] la.
PELAJAR :	Macam yang abang E kata patung tu ada yang murah ada yang mahal, apa beza dia ?
MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID @ ABDULLAH :	Beza dia tu [itu] kesukaran depa [mereka] nak [hendak] buat tu [itu] kan ada yang tebuk kecik-kecik kan macam kata okay kata gambaq [gambar] raja kan gambaq [gambar] raja dia baju dia ada bling-bling kan lebih kurang kan depa [mereka] nak [hendak] menebuk tu [itu].
PELAJAR :	Patung itu diperbuat daripada apa ?
MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID @ ABDULLAH :	Patung tu [itu] dibuat daripada kulit, kulit lembu dan kulit kambing ja [sahaja] la.
PELAJAR :	Tunggu kering dulu baru boleh ukir?
MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID @ ABDULLAH :	Ha ya la hak [yang] tu [itu] yang susahnyanya kita malas nak [hendak] buat tu [itu] pasai [sebab] tu [itu] la pasai [sebab] kita dia teknik dia tarik kulit tu [itu] pastu [selepas itu] teknik dia kena ada juga teknik dia untuk buat kulit tu [itu] bagi nampak macam plastik tu [itu] salah satu dia bila

kita letak kat kain dia [patung wayang kulit] lut cahaya yang kita bubuh [letak] kat [dekat] orang kata apa warna yang kita bubuh [letak] kat gambaq [gambar] dia [patung wayang kulit] akan nampak ke kain orang akan nampak ni [ini] okay tak [tidak] okay orang kata merah hak [yang] ni [ini] hitam ha hak [yang] tu [itu] la yang susah kita disini nak [hendak] buat tu [itu].

PELAJAR :

Biasanya wayang kulit ini waktu malam jadi macam mana teknik cahaya tu untuk penonton, kiranya dia guna kain yang macam mana ?

**MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID
@ ABDULLAH :**

Dia kain putih dak [tidak] dia sebenarnya [sebenarnya] betul-betul kain putih kain putih biasa ni [ini] la tapi [tetapi] bila kita main dia ada lampu tu [itu] lebih kurang lampu pun lampu ni [merujuk kepada lampu dinding] la tapi lampu kita tu [itu] lampu besaq [besar] la bukan mentol ni [ini] dak [tidak] la, lampu tu [itu] kita gambar wayang kulit dia akan teruih [terus] nampak ke keluaq [keluar] dia tak [tidak] akan nampak hitam macam penonton dia akan nampak okay ni [ini] merah nampak la nampak.

PELAJAR :

Kiranya kita sebagai penonton nampak

warna asal patung ?

**MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID
@ ABDULLAH :**

Memang nampak la memang nampak warna asal patung la, tak [tidak] pernah tengok ka [ke], [pelajar : tak pernah], takpa-takpa [tidak mengapa] nanti kalau ada show abang E habaq [beritahu]. Mai [mari] la tengok tengok sekali.

PELAJAR :

Kami ingatkan kita sebagai penonton akan nampak hitam

**MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID
@ ABDULLAH :**

Nampak hitam oo nampak aa nampak kalau kata kawan ni [ini] orang putih putih la rambut merah ka [ke] memang nampak la itu yang abang E kata kita kita Kedah susah nak [hendak] buat kulit tu [itu] kita nak [hendak] kena tarik teknik tarik nak [hendak] mengeringkan kulit tu [itu] ada teknik dia kita nak [hendak] bagi lut cahaya tu [itu] orang katakan ha nak [hendak] bagi nampak macam plastik tu [itu] nak [hendak] bagi dia nampak plastik tu [itu] itu yang susahnya itu yang abang E lebih suka beli teruih [terus], beli disana teruih [terus] jadi senang la kan depa [mereka] dah [sudah] buat dah [sudah] sudah tang [yang] kita ja [sahaja] kita nak (hendak) watak apa aa lepaih [lepas] tu [itu] tang [yang] tu [itu] yang jadi mahal murahnyanya tu [itu] ada yang kulit dia tak [tidak] berapa terang dia tak [tidak]

	berapa nampak ada yang kulit terang sangat.
PELAJAR :	Untuk kos beli patung wayang kulit adakah guna duit sendiri ?
MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID @ ABDULLAH :	Ha guna duit kita sendiri la.
PELAJAR :	Paling mahal harga patung berapa ?
MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID @ ABDULLAH :	Paling mahal dekat seratus ada untuk satu patung dekat dengan seratus pasai [sebab] patung hak [yang] tu [itu] gambaq [gambar] besaq [besar] la tapi ha lebih kurang ni [merujuk kepada patung wayang kulit].
PELAJAR :	Biasanya dalam satu sketsa itu guna berapa patung ?
MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID @ ABDULLAH :	Empat atau lima dalam masa lebih kurang sejam la kan kalau nak ikut cerita betul [betul] ikut cerita dia kena guna banyak watak aa banyak patung bila banyak watak kita kena guna banyak patung la tapi macam sketsa dalam sketsa sat [kejap] sat [kejap] macam tu [itu] dalam empat lima macam tu [itu] ja [sahaja] lima nam [enam] macam tu [itu] ja [sahaja].
PELAJAR :	Macam mana abang E boleh tukarkan watak dari satu suara ke suara lain ?

<p>MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID @ ABDULLAH :</p>	<p>Hak [yang] ni [ini] ni [ini] lebih dia satu ni [ini] lebih macam ni [ini] dik bagi abang E abang E rasa orang kita kalau kita selalu buat dia akan boleh.</p>
<p>PELAJAR :</p>	<p>Kiranya perlu latihan ?</p>
<p>MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID @ ABDULLAH :</p>	<p>Perlu latihan jugak [juga]) perlu latihan jugak [juga] itu yang abang E kata dulu [dahulu] dulu [dahulu] pun lepaih [lepas] ayah abang E tu [itu] dia tak (tidak) mau [mahu] main dia [ayah] duduk tekan [paksa] la orang katakan tekan [paksa] suruh abang E main empat lima tahun abang E duk pduduk] main tu [itu] tak [tidak] tak [tidak] berapa nak [hendak] terror lagi tau [tahu] tak [tidak] berapa nak [hendak] pro [mahir] lagi masalah dia tu [itu] la kena kena nak [hendak] ubah teknik dia jalan kan nak [hendak] bagi nampak hidup la kita katakan nak [hendak] bagi nampak hidup tu [itu] pasai [sebab] dia teknik wayang kulit dia teknik membayang orang katakan teknik bayang kalau kata silap tak [tidak] betui [betul] teknik orang nampak kita macam bawak [bawa] apa-apa keluaq [keluar] ja [sahaja] la dia [wayang kulit] tak [tidak] jadi benda tu [itu] hidup kan kadang-kadang teknik dia tak [tidak] bagi orang nampak tangan kita aa tu [itu] tu [itu] semua perlukan</p>

	<p>teknik la itu yang jadi empat lima taun [tahun] jugak la abang E pun nak [hendak] nak [hendak] pandai la sikit.</p>
PELAJAR :	<p>Anak didik abang E masih belajar ke dah pandai main?</p>
MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID @ ABDULLAH :	<p>Alat muzik boleh kata mahir la alat muzik tapi bila tang [yang] dalang sendiri tu [itu] tak [tidak] boleh blah [pergi] lagi la.</p>
PELAJAR :	<p>Kiranya abang E seorang sahaja dalang ?</p>
MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID @ ABDULLAH :	<p>Setakat la [sekarang] abang E sorang [seorang] la.</p>
PELAJAR :	<p>Apakah jenis alat muzik yang digunakan oleh wayang kulit ?</p>
MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID @ ABDULLAH :	<p>Alat muzik yang digunakan kita sini Kedah la Kedah serunai lepaih tu [itu] gedombak lepaih [lepas] tu [itu] ketunpun, ketunpun tu [itu] macam kata kita sebelah kelantan kita panggil geduk geduk ha macam tu [itu] la sebelah kedah kita panggil ketumpun ha lepaih [lepas] tu [itu] bong mong mong kita panggil tapi kita kedah ni [ini] panggil bong bong gitu [begitu] la tapi [tetapi] dia sebenarnya [sebenarnya] mong nama dia mong cing lepaih [lepas] tu [itu] takda [tiada] la gendang anak gendang ibu dua. Banyak jugak [juga] tu [itu] la. Lepaih [lepas] tu</p>

[itu] kita kita ni [ini] tapi [tetapi] kalau ikut wayang kulit yang betui [betul] dia cuma ada ada lima saja, gedombak, serunai, ketumpun tu [itu] lepaih [lepas] tu [itu] mong dengan cing lima saja [sahaja] lepaih [lepas] tu [itu] kita nak (hendak) bagi bagi sedap persembahan kita tu [itu] kita bagi ada la gendang anak gendang ibu gong tamrin semua tu [itu] hak [yang] tu [itu] untuk untuk kita meriahkan lagi persembahan tu [itu] ja [sahaja] la.

PELAJAR :

Muzik untuk setiap sketsa tu sama atau berlainan ?

MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID

@ABDULLAH :

Dia ada yang berlainan ada yang sama macam kata berjalan okay okay macam satu cerita kita nak [hendak] berjalan macam cerita nak [hendak] berjalan tu [itu] yang berlainan dia okay gasi [gergasi] berjalan bunyi dia macam mana ha tu [itu] ja la lepaih [lepas] tu [itu] gambaq [gambar] puteri ka [ke] raja-raja ka [ke] depa [mereka] berjalan okay bunyi dia macam mana beza yang tu [itu] ja [je] selebihnya tak [tidak] banyak sangat beza bunyi dia.

PELAJAR :

Sebelum start persembahan macam mana nak siapkan pentas wayang kulit ?

MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID

Pentas kita semua kita sendiri pentas kita

@ ABDULLAH :	<p>semua hak kita sendiri macam depa [mereka] panggil kita depa [mereka] cuma sediakan tempat saja depa [mereka] nak [hendak] main tang [yang] ni [ini] kita pasang sendiri la sekarang ni [ini] la dulu [dahulu] dak [tidak] la dulu [dahulu] kena macam kita kata tuan rumah kena sediakan la pentas tu [itu], dulu [dahulu] la [sekarang] ni kan kita banyak banyak kena mudah la orang kata kan.</p>
PELAJAR :	<p>Alat muzik dengan patung tu abang E simpan kat rumah ke ?</p>
MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID	<p>Ha kat rumah la [boleh kalau kami hendak tengok] nak [hendak] tengok boleh.</p>
@ ABDULLAH :	
PELAJAR :	<p>Mudah rosak tak [tidak] ni [ini] ?</p>
MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID	<p>Kalau ikut tu [itu] dia tak mudoh [mudah] rosak sangat, payoh [payah] sikit la nak rosak. Memang kita nampak dia macam lembik – lembik kan tapi dia susah [susah] rosak.</p>
@ ABDULLAH :	
PELAJAR :	<p>Dia memang tahan lama ke benda ni ?</p>
MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID	<p>Memang tahan lama. Ada yang lama lama betui [betul] pun ada, masih ada lagi.</p>
@ ABDULLAH :	
PELAJAR :	<p>Oh.. yang ni [ini] yang perempuan tu [itu]. Ni [ini] yang hitam tu [itu]. Macam mana dia buat jadi tangan bergerak macam ni</p>

	[ini]?
MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID @ ABDULLAH :	Haa yang tu [itu] lah yang abang E cakap teknik tu [itu]. Yang tu [itu] yang makan masa sikit tu [itu]. Kalau kita tak mahir dia jadi macam kekok lah kita katakan, dia kekok lah sikit.
PELAJAR :	Maknanya abang E memang keje [kerja] ni [ini] ke ada keje [kerja] lain?
MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID @ ABDULLAH :	Ada keje [kerja] lain lagi.
PELAJAR :	Oh... sampingan jelah [sahaja] lah.
MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID @ ABDULLAH :	Sampingan jelah [sahaja] lah.
PELAJAR :	Raja ke ni [ini] [merujuk kepada patung]?
MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID @ ABDULLAH :	Haa [ya] yang ni [ini] kalau ikut kan raja dia yang ni [ini]. Itu lebih pada anak anak raja macam tu [itu] lah. Yang ni [ini] maksud abang E tadi ni [ini] dia lebih pada <i>blink blink</i> [merujuk patung wayang kulit] lah kita katakan hat ni [ini] yang jadi mahei [mahal] tu [itu]. Ada lagi yang abang E cakap tadi ada yang besar loni [sekarang] banyak gambaq [gambar] besaq [besar] loni banyak teknik gambaq [gambar] besar suka yang besaq besaq [besar besar] trend, trend gambaq

	[gambar] besaq [besar].
PELAJAR :	Dia guna cat biasa je [saja] ke ni [ini] ?
MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID @ ABDULLAH :	Cat ni [ini] Abang E kurang ni [ini] juga, abang E pun tak tahu. Dia kalau guna cat ni [ini] memang tak nampok [nampak], dia tak boleh nampak ikot [ikut] kain na [itu]. Tapi macam ni [ini] kita nampak tebai [tebal] tapi bila kita letak kat [dekat] kain dia nampak merah hitam mulut merah. Kita nampak kat [dekat] kain.
PELAJAR :	Macam abang E kan kata abang E ada anak perempuan, kiranya macam orang perempuan ni [ini] boleh main juga lah wayang kiranya kulit ni [ini] boleh jadi Tok Dalang juga lah ?
MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID @ ABDULLAH :	Haa ya boleh. Setakat la ni [sekarang] dia ja [sahaja] lah dok [duduk] tengah apa ni.
PELAJAR :	Tengah belajar ?
MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID @ ABDULLAH :	Haa ya dok tengah train [belajar] dia la, setakat la na [sekarang]. Tapi untuk buat show [persembahan] besar tak berani lagi lah kan. Dia bukan takut apa sebenarnya [sebenarnya] bagi abang E lah, dia bukan apa yang nak ditakutkan bagi abang E la nak takut apa cuma yang patut takut bagi abang E dulu yang takut cakap tak kene [kena] je [saja] hat [yang] tu [itu] ja

[sahaja] yang buat kita takut, buat kita tak confident [yakin] tu [itu]. Dia tu [itu] abang E kata kita buat skrip pun boleh takdak [tak ada] masalah tapi dia tak ori [original] lah kalau kita buat skrip, boleh juga buat skrip.

PELAJAR :

Maknanya cerita tu [itu] spontan ?

**MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID
@ ABDULLAH :**

Haa ya spontan. Dia memang cerita, cerita tu memang betui [betul] kita katakan cuma skrip tu [itu] kita kena spontan baru dia jadi, baru boleh panggil Tok Dalang. Kalau kata skrip tak panggil Tok Dalang lagi lah kita katakan.

PELAJAR :

Maknanya kita pergi tempat orang tu [itu], contohnya macam abang E cakap dia bagi akan cerita tu [itu] dorang minta, maksudnya masa malam nak start atau sebelum start show [persembahan] tu [itu] ?

**MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID
@ ABDULLAH :**

Dia contoh macam ni [ini], okay depa [mereka] panggil kita buat show [persembahan] depa [mereka] kata tolong sampaikan message jangan berkelahi [bergaduh] kita katakan hat tu [yang itu] saja. Lepastu [selepas itu] tengok lah cerita kita cerita apa yang agak sesuai dengan tak mahu berkelahi [bergaduh] tak mahu bergaduh okay dalam tu [itu] kita

selit lah dalam cerita kita cerita tapi dalam persembahan cerita tu [itu] kita adalah selit apa.. apa kita panggil moral moral dia lah kita kan jangan gaduh.

PELAJAR :

Tu [itu] jadi kadang kadang dua tiga jam tu [itu] ?

MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID

Ha ya.

@ ABDULLAH :

PELAJAR :

Maknanya setiap cerita daripada wayang kulit tu [itu] akan ada moral yang baik lah.

MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID

Haa [ya]. Dia itu lah abang E kata kalau ikut cerita wayang kulit yang abang E tau [tahu] boleh kata semua ada moral yang baik sebenarnya [sebenarnya] Cuma kadang kadang orang tak [tidak] boleh nak faham orang katakan. Semua cerita tu [itu] memang ada moral dia yang baik baik, balasan dia macam mana kita kata kan, tulah [itulah] dia dah ada tapi kadang kadang kita kena lebih tekan lagi lah supaya orang kata generasi lani [sekarang] macam budak budak [ni] ini depa [mereka] ta [tidak] faham sangat depa [mereka] masih rasa cerita, cerita ja [sahaja] moral takdak [tidak ada]. Haa tulah cita [cerita] cuma tak [tidak] terok [teruk] lah kita buat kerja.

@ ABDULLAH :

PELAJAR :	Kiranya setiap kali ada buat sketsa tu [itu] memang tak boleh ada dua orang?
MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID @ ABDULLAH :	Eh, dua pun boleh.
PELAJAR :	Maknanya belah sini dengan belah sana ye?
MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID @ ABDULLAH :	Eh boleh. Dua pun boleh. Dulu macam wayang kulit kita ni [ini] yang Sri Nerang ada dalang duo [dua]. Ikut generasi lah, kadang kadang depa [mereka] main dua dalang. Wan abang E main duo [dua] depa [mereka] main duo [dua] orang kan. Ayah abang E pun main duo [dua] orang. Kadang kadang main duo [dua] kadang kadang main sorang [seorang]. Setakat ni [ini] abang E ja la [sahajalah] sorang [seorang].
PELAJAR :	Berapa lama dah abang E handle [uruskan] ?
MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID @ ABDULLAH :	Abang E handle ni [ini] setakat ayah abang E takda [tak ada] lah. Lepas dia takda [tak ada] meninggal abang E handle teruslah. Sebelum tu [itu] dia masih ada lagi, ada lagi abang E tak handle mana abang E cuma boleh main sajolah [sahajalah]. Dalam banyak banyak ni [ini] dia lah handle [uruskan] kita katakan. Lebih kurang... abang E main lebih

kurang dua puluh tahun adalah. Dalam masa berapa belas tahun ayah abang E takda [tidak ada] lagi selepas itu lah abang E handle [uruskan] sepenuhnya lah orang kata. IQ IQ apa semua cari sendirilah. Dulu kadang kadang ayah bangga hang [kamu] buat macam ni [ini] tapi bila dah takda [tidak ada] tu [itu] kene sendirilah.

PELAJAR :

Abang E belajar daripada siapa? Memang belajar sendiri?

**MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID
@ ABDULLAH :**

Belajar sendirilah. Belajar dari ayah. Ayah belajar dari wan. Wan belajar dengan orang. Kira kita kata tak belajar dengan orang lah.

PELAJAR :

Daripada keluarga sendiri lah

**MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID
@ ABDULLAH :**

Ya daripada keluarga sendiri.

PELAJAR :

Kiranya yang wayang kulit Sri Nerang ni [ini] daripada generasi abang E jelah [sahaja lah]

**MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID
@ ABDULLAH :**

Haa ya ya

PELAJAR :

Kiranya takda [tak ada] orang lain lagi lah?

**MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID
@ ABDULLAH :**

Haa takda [tidak ada]

PELAJAR :

Kiranya kalau orang perempuan yang jadi dalang tu [itu] kiranya dia kene berlatih juga lah suara lelaki semua tu [itu] ?

MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID

@ ABDULLAH :

Ya kenal. Dia macam ni [ini] cerita ada watak utama dia hero lelaki, ada cerita yang hero perempuan. Bila hero perempuan tu jangan kata abang E sendiri pun susah juga. Maklumlah nak kena kapit suara bagi jadi, kan heroin banyak cakap lah kita kan. Abang E pun sakit juga lah kalau kena cerita hero perempuan tu [itu]. Kalau yang hero laki laki ni [lelaki ini] okay lah kita kata kan. Watak lawak dia saja watak utama dia lah kita katakan watak lawak tu [itu] kena lah. Macam orang perempuan dia lebih besaq [besar] sikit lah suara dia kene teruk lah berlatih tu [itu] nak bagi suara suara kecil [kecil]. Tapi kalau ikut generasi cerita ayah apa dulu wan cerita depa [mereka] dulu dia kata macam watak lawak ni [ini] dia duduk pada dalang. Macam adik ni [ini] sendiri nak main kita kata lah, dia watak lawak laki laki ni [lelaki ini] watak lawak ni tak boleh blah tak [tidak] boleh bercakap. Dia boleh buat satu gambaq [gambar] yang perempuan punya. Dia kata yang nak bawa cerita tu [itu] yang lawak ni lah [inilah], orang perempuan pun boleh. Dia jadi pengasuh lah kita kata

	kan, pun boleh juga takda [tak ada] masalah pun.
PELAJAR :	Tapi setiap sketsa tu ([itu] mesti kena ada unsur lawak lawak kan?
MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID @ ABDULLAH :	Memang wajib. Memang wajib hat [yang] tu [itu]. Mesti kena ada walaupun dalam message tu [itu], walau dalam satu satu message tu [itu] dalam lawak ada message. Kebanyakkan nya macam tu lah.
PELAJAR :	Kalau macam dari segi lagu pula macam mana?
MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID @ ABDULLAH :	Lagu apa tu [itu] dik [adik] ?
PELAJAR :	Yang masa mainkan tu [itu], dari alat muzik ataupun ada spesifik lagu?
MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID @ ABDULLAH :	Tak tak. Dia kalau dalam wayang kulit dalam lagu dalam alunan dia tu [itu] kita kata dalam Bahasa dulu kita panggil KLON dalam Bahasa Siam. Kalau kita melayu ni [ini] syair lah kot. Macam gurindam, cerita orang dulu [dahulu] dulu [dahulu] kan nak kena ada syair sikit pada permulaan cerita. Dalam wayang kulit dia panggil KLON, kena ada lah sikit lepas itu baru cerita. KLON dia tu [itu] pula kene ada bunyi ala Siam lah. Tapi bila mai [mari] kita kene ubahlah. Dalam klon ada

	bunyi apa, macam abang E kata lah dalam klon bahasa Siam dia kata apa, macam loni [sekarang] kalau abang siam juga orang tak [tidak] faham, abang E kena klon balik Bahasa Melayu jadi sama macam tadi.
PELAJAR :	Selalunya latihan abang E akan buat kat [dekat] mana [mana]?
MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID	Buat kat [dekat] sini lah.
@ ABDULLAH :	
PELAJAR :	Buat dekat rumah ni [ini]?
MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID	Haa [ya] kat rumah lah.
@ ABDULLAH :	
PELAJAR :	Kiranya semua anak didik mai [mari] sini lah?
MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID	Ya semua mari sini.
@ ABDULLAH :	
PELAJAR :	Yang lagu lagu tu [itu] dari alat muzik atau dari abang E buat sendiri?
MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID	Kadang kadang dari alat muzik kadang kadang dari idea sendiri tapi dia tak [tidak] boleh lari dari alat muzik lah macam orang kata abang E nak klon tu [itu] kita nak [hendak] syair tu [itu] tak [tidak] boleh lari dengan alat muzik. Kalau kata lari dia jadi pelik lah orang
@ ABDULLAH :	

	katakan. Jangan kata orang yang dengar pun kata padia ni [apa dia ni].
PELAJAR :	Alat muzik tu [itu] macam abang E kata tadi tu [itu] gong?
MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID @ ABDULLAH :	Bukan. Itu gong, hat tu [yang itu] mong. Mong tu dia besaq [besar].
PELAJAR :	Yang kecil kecil ada 6 tu [itu] ke?
MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID @ ABDULLAH :	Hat tu [yang itu] bukan. Dia ada 2 ja [sahaja]. Sepasang ja [sahaja].
PELAJAR :	Dia sama ke alat muzik yang Sri Nerang dengan pantai timur? Dia orang guna alat muzik yang sama ke lain?
MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID @ ABDULLAH :	Ya alat muzik yang sama juga tapi dia ada banyak lagi. Masih tambah eh bukan masih tambah masih kekalkan lagi contoh macam kita belah utara pakai satu ja [saja] geduk cuma gedombak dua. Apa yang kat [dekat] pantai timur tu [itu] geduk dua lepaih [selepas] tu [itu] gedombak dua.
PELAJAR :	Gedombak? Gedombak yang mana?
MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID @ ABDULLAH :	PA dia lah. Dia lah yang uruskan show [persembahan] kat [dekat] mana apa.
PELAJAR :	Mong, seruling, gedombak?
MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID @ ABDULLAH :	Bukan seruling, serunai

PELAJAR :	Bukan ke serunai ada lubang lubang tu [itu] ?
MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID @ ABDULLAH :	Ini kutumpun.
PELAJAR :	Ketupui?
MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID @ ABDULLAH :	Ketunpun...
PELAJAR :	Yang ni [ini] apa dia?
MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID @ ABDULLAH :	Yang ini kita panggil mong tadi tu [itu].
PELAJAR :	Oh mong..
MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID @ ABDULLAH :	Hat [yang] ini cing. Betul betul alat Siam punya.
PELAJAR :	Kiranya semua ni [ini] abang E ambik dari siam ke?
MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID @ ABDULLAH :	Dia memang kalau nak cari memang kena cari di Siam di kita takda [tidak ada] tapi alat muzik ni [ini] dah [sudah] memang dari dulu [dahulu] dulu [dahulu] lagi memang dah [sudah] generasi ke generasi.
PELAJAR :	Memang dah [sudah] lama lah ye (ya).
MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID @ ABDULLAH :	Memang dah [sudah] lama. Cuma yang rosak kulit kita kena tukar lah. Kulit dia kena tukarlah. Kulit ni [ini] kulit lembu susah rosak payah rosak. Abang E ingat

	abang E tukar ni (ini) abang E darjah berapa dulu darjah lima ka [ke] enam.
PELAJAR :	Mahal juga kos nak beli alat muzik ni [ini]?
MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID @ ABDULLAH :	Apa dia?
PELAJAR :	Alat alat ni mahal ke nak [hendak] beli?
MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID @ ABDULLAH :	Oh mahal juga. Dia.. hat ni [yang ini] saja RM500 [merujuk kepada alat muzik]. Haa [ya] senang macam tu lah [itu lah]
PELAJAR :	Kiranya macam orang yang main benda ni [ini] kena pandai lah kan?
MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID @ ABDULLAH :	Haa [ya] kena pandailah. Dalang dia kena boleh, dalang kena boleh hat ni [yang ini] macam mana hat ni [yang ini] pukul macam mana tapi hat ni [yang ini] pukul dengan kayu.
PELAJAR :	Berapa orang biasa main benda ni [ini] ?
MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID @ ABDULLAH :	Hat ni [yang ini] sorang, hat ni [yang ini] sorang [seorang] lepas tu [selepas itu] macam abang E kata tadi kita ada gendang anak gendang ibu. Kita tamprin, kita nak [hendak] bagi sedap. Kadang lawak, lawak tu [itu] menyanyi dia nak apa kita kena adalah gong apa semua tu [itu]
PELAJAR :	Untuk satu persembahan berapa orang

	akan ada tolong abang E?
MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID	Tujuh orang
@ ABDULLAH :	
PELAJAR :	Apa tu [itu] gendang anak ibu tu dia macam mana?
MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID	Dia kena silat, bersilat.
@ ABDULLAH :	
PELAJAR :	Serunai tahu serunai?
MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID	Tahu.
@ ABDULLAH :	
PELAJAR :	Tapi kalau Kelantan dia guna serunai yang panjang tu [itu].
MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID	Yang ni [ini] untuk berlatih ja [sahaja].
@ ABDULLAH :	Serunai kita sebelah kedah yang macam ni [ini].
PELAJAR :	Oh... bukan serunai yang ada banyak banyak lubang tu [itu] ?
MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID	Haa [ya] yang ni lah [ini lah]. Ada lubang juga yang ni [ini].
@ ABDULLAH :	
PELAJAR :	Ada ada. Tapi dia pendek
MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID	Ha ya pendek. Kan Serunai yang pantai timur punya panjangkan, hat [yang] dia macam tu [itu]. Serunai wayang kulit Siam pulak dia panjang tu ja [sahaja] tapi betui [betul].
@ ABDULLAH :	

PELAJAR :	Macam kayu?
MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID @ ABDULLAH :	Haa [ya] macam kayu. Hat tu [yang itu] serunai wayang kulit siam lah . Kalau macam kita macam ni [ini] sikit la ada bunga
PELAJAR :	Macam alat muzik ni [ini] kiranya tiap kali sketsa semua alat muzik kena mainkan ke atau kalau yang ini tak [tidak] ada pun tak [tidak] apa?
MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID @ ABDULLAH :	Dia duduk di kita, duduk di dalang. Okay kalau dalang kata main pakai yang ni [ini] sudah lah, kita tak [tidak] payah pakai yang ni lah [ini lah] tak [tidak] payah pakai lah. Tapi dalam persembahan wayang kulit nak [hendak] pakai atau tak [tidak] mahu pakai tetap kena pakai hat ni [yang ini] mesti kena ada hat tu [yang itu] tak [tidak] ada tak [tidak] apa lagi
PELAJAR :	Yang ini? Apa dia ni?
MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID @ ABDULLAH :	Gendang silat lah kita kata
PELAJAR :	Ini lah yang penting ye [ya]?
MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID @ ABDULLAH :	Ya yang penting yang ini. Gendang lagu untuk lagu, kadang kadang gendang lagu kita panggil juga.
PELAJAR :	Yang gendang anak dengan gendang ibu

	tu yang ni?
MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID @ ABDULLAH :	Hat ni lah [yang ini lah]. Satu gendang anak satu gendang ibu. Hat ni [yang ini] gendang ibu, gendang anak dia kecil sikit.
PELAJAR :	Haa [ya] mong, serunai, gedombok, ketupun kan?
MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID @ ABDULLAH :	Ketupun ataupun geduk lah kita kata.
PELAJAR :	Alat muzik ni tak sama macam kat [dekat] pantai timur kan?
MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID @ ABDULLAH :	Sama, sama juga cuma apa pantai timur punya hat ni [yang ini] ada dua geduk ni [ini] ada dua, gedombak ada dua lepas tu [itu] canang dia tak [tidak] bunyi macam kita ni [ini] sebelah utara hat ni [yang ini] dia nak [hendak] bunyi macam mana tau [tahu] macam tak [tidak] ada dengun, abang E tak [tidak] tahu la depa [mereka] ambik mana hat [yang] tu [itu] abang E tak [tidak] tahulah. Dia bunyi tak [tidak] semacam hat ni [yang ini] dia bunyi dengun lah kita katakan. Macam yang abang E dengar yang pantai timur dia tak [tidak] bunyi dengun dan memang depa [mereka] pun mungkin lah kot bagi abang E mungkin teknik bunyi dia dari dulu tak [tidak] mahu ada dengun bagi abang E lah. Abang E rasa macam tulah [itulah].

Kalau kata depa [mereka] nak guna macam ni [ini] benda macam ni depa [mereka] boleh guna kita katalah. Depa [mereka] boleh ambik daripada sana tapi [tetapi] memang depa [mereka] tak [tidak] guna.

PELAJAR :

Abang E buat sketsa tu [itu] guna loghat kedah ke?

MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID

Kita guna loghat kedah.

@ABDULLAH :

PELAJAR :

Oh, loghat kedah.

MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID

Pasai [pasal] dia kita guna loghat Kedah pasai [pasal] dia melibatkan gambaq [gambar] yang kan orang kata apa ibarat macam ni [ini] lah abang E kata gambaq tu gambaq [gambar itu gambar] orang putih kita buat pelat [loghat] Siam dia memang tak [tidak] masuklah kita katakan. Ataupun macam gambaq [gambar] India kita pi [pergi] cakap orang putih dia jadi tak [tidak] masuk. Sama dengan hat ni [yang ini] pun tak [tidak] masuklah. Kalau kita main menggunakan gambaq [gambar] macam ni [ini] rupa macam ni [ini] kita kena lebih pada [kepada] loghat Siam tu [itu]. Pelat pelat kita kata pelat tu [itu] kena ada pelak [loghat] Siam lah.

@ABDULLAH :

PELAJAR :	Boleh kita nak minta abang E...
MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID @ ABDULLAH :	Eh, jangan lah segan lah. Abang E seganlah.
PELAJAR :	Sikit ja [sahaja].
MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID @ ABDULLAH :	Apa dia?
PELAJAR :	Tunjuk cara cara pegang.
MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID @ ABDULLAH :	Kalau cara pegang tak [tidak] ada masalah jangan suruh bunyi suara tu [itu] abang E jadi bodoh sat [sekejap]. Inilah teknik dia kata kita nak [hendak] pegang, kalau kita pegang betui betui [betul betul] dia tangan kita nampak di kain. Kalau pegang main main tangan kita dia akan nampak di kain tahu. Yang ini kata teknik dia tu [itu].
PELAJAR :	Kiranya macam tangan lama kena bawa juga lah kan?
MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID @ ABDULLAH :	Ya tangan dia lah lembut tangan abang E tak [tidak] lembut dah. Kita tengok bila kita tengokkan teknik main wayang yang abang E kata tu [itu] kita duduk dia kain macam ni [ini] kita nampak macam kalau yang perempuan kita nampak macam perempuan lah gerak dia macam perempuan lah. Kalau kata macam jantan [lelaki] kita nak bagi garang, bagi garang

	lah.
PELAJAR :	Macam mana nak tukar yang patung lain kalau watak lain?
MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID	Awat [kenapa] ?
@ ABDULLAH :	
PELAJAR :	Masa abang E main tu [itu] kan abang E duduk tengah mesti kena guna dua dua tangan untuk satu tu [itu]?
MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID	Dia selalu kalau guna dua macam ni lah
@ ABDULLAH :	[ini lah] kita kata kan kalau bila hat ni [yang ini] bercakap kita lebih yang ini lah, kita lebih pada yang ini.
PELAJAR :	Oh, naikkan yang tu [itu] lah.
MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID	Ya naik kan yang itu.
@ ABDULLAH :	
PELAJAR :	Habis tu [itu] macam mana nak gerakkan tangan satu lagi tu [itu]?
MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID	Kan kita ada batang pisang dia letak atas batang pisang.
@ ABDULLAH :	
PELAJAR :	Oh, patut pun ingat kan dua dua macam tu [itu] kat [dekat] tangan.
MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID	Kita ada batang pisang. Kita menggunakan batang pisang lah untuk ni
@ ABDULLAH :	[ini].
PELAJAR :	Oh, patut lah hujung ni [ini] tajam.

MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID	Haa [ya].
@ ABDULLAH :	
PELAJAR :	Biasanya macam banyak tak [tidak] terima macam undangan.
MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID	Haa [ya] banyak gak [juga] banyak dia
@ ABDULLAH :	kadang kadang tu [itu] macam..
PELAJAR :	[Dia dalam sebulan berapa kali] ?
MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID	Sebulan tiga empat kali lah.
@ ABDULLAH :	
PELAJAR :	Memang buat dalam area kedah jelah [sahaja lah] ?
MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID	Area Kedah, Penang ikutlah.
@ ABDULLAH :	
PELAJAR :	Kat [dekat] ni [ini] Kedah Sri Nerang je [sahaja] kan?
MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID	Kat [dekat] kedah lani [sekarang] Sri
ABDULLAH :	Nerang sajalah. Yang orang kata apa macam tu [itu] lah kan. Kalau ikut tu ada satu lagi wayang kulit yang baru depa [mereka] macam baru nak...
PELAJAR :	(Baru nak berjinak jinak)
MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID	Haa [ya] baru nak jinak jinak. Baru nak
@ ABDULLAH :	jinak jinak.
PELAJAR :	Buat masa sekarang ni [ini] abang E dah nampak ke siapa yang akan mewarisi

	abang E?
MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID @ ABDULLAH :	Belum lagi.
PELAJAR :	Oh, belum lagi.
MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID @ ABDULLAH :	Tak tahu lah kot mungkin dia kot pasai [pasal] dia cerita dia macam ni [ini] wayang kulit satu perlukan minat kedua dia tak [tidak] boleh malu. Ha tulah [itulah] cerita dia. Ada juga budak budak kita dia minta tapi dia malu. Dia minat lepas tu [itu] bakat kena ada.
PELAJAR :	Biasa paling sekejap berlatih benda ni [ini] main, berlatih main saja [sahaja] bukan suara biasa berapa lama?
MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID @ ABDULLAH :	Dia kena nak mahirkan patung kena sekali dengan bercakap. Dia macam kita nak mahir kan patung saja macam kita angkat apa kita angkat kita kata lah kan, okay dia angkat dia kata apa. Macam kita kadang kadang tunjuk macam tu [itu] kan, kadang kadang macam tu [itu] haa kita kata kita kena bagi bagi sekali suara nak [hendak] bagi dia hidup. Teknik dia pulak [pula] wayang kulit dia macam kata la [sekarang] abang E pegang gambaq [gambar] ni [ini] perempuan cela tu [itu] abang E kena jadi perempuan baru dia nampak hidup sebenarnya [sebenarnya]

yang ni depa [mereka] kata abang E main dengan hantu tu [itu]. Tang ni [yang ini] depa.. [mereka] yang ada juga biasalah kan budak budak sekolah tu [itu] okay lah kan depa [mereka] tanya ada unsur unsur mistik biasalah kan. Dia teknik dia wayang kulit macam berlakon. Betul betul macam berlakon cuma wayang main wayang kulit dia sorang [seorang] saja [sahaja] tu [itu] yang bezanya. Dia macam abang E nak [hendak] jadi perempuan, abang E kenalah cakap perempuan tu [itu].

PELAJAR :

Kepit lah suara tu [itu].

MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID

@ ABDULLAH :

Haa [ya] kena kepitkan suara, lembut dia, malu dia kena jadi lah. Contoh macam abang E jadi okay jahat, jahat lah abang E kena jadi jahat lah. kurang ajaq [ajar] dia.

PELAJAR :

Suara tu [itu] kan susah tak [tidak]?

MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID

@ ABDULLAH :

Tak [tidak] susah.

PELAJAR :

Susah tak [tidak] untuk yang baru nak..

MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID

@ ABDULLAH :

Baru nak [hendak] belajar?

PELAJAR :

Macam anak didik abang E ada tak [tidak] lagi yang dah [sudah] mahir suara sekali

dengan tangan?

MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID Adalah.

@ ABDULLAH :

PELAJAR : Anak didik abang E umur berapa?

MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID Tu [itu] [merujuk kepada anak beliau].

@ ABDULLAH :

PELAJAR : Dalam lingkungan dia ke?

MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID Haa [ya] tapi muda muda lah. Lapis lapis dia, lapis lapis ampa [awak] semua ni lah [ini lah].

@ ABDULLAH :

PELAJAR : Laki [lelaki] ke?

MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID Laki [lelaki] ada perempuan ada.

@ ABDULLAH :

PELAJAR : Macam wayang kulit Sri Nerang ni kan bukannya tak [tidak] dikenali tapi bila kita bagitahu kat [dekat] negeri Kedah macam orang tertanya tanya, ada ke ada ke sedangkan kita tahu dekat pantai je [sahaja] yang ada, macam abang E apa yang abang E harapkan untuk wayang kulit Sri Nerang ni [ini]?

MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID Abang E cuma harap satu bagi abang E wayang kulit sebenarnya [sebenarnya] dia ada khususnya Malaysia lah kan, Malaysia kita dia banyak seni kebudayaan dia banyak wayang kulit dia dengan silat

@ ABDULLAH :

dia dengan apa dia. Bila orang sebut wayang kulit kita lebih kepada pantai timur hat tu [yang itu] kita tak [tidak] salah pasai [pasal] yang kata tak [tidak] salah kerajaan kan kita dulu [dahulu] dia di kenali dulu [dahulu] kan apa kita kata pihak kerajaan kita kenal wayang kulit apa sebelah pantai timur dulu [dahulu] lepaihtu [selepas itu] dia hala [sebelah] ke pantai timur lebih selepas itu baru lah macam kata kerajaan kita baru tahu oh wayang kulit ada lagi sebelah Kedah punya macam ni [ini] macam ni [ini] kan. Kita tak [tidak] salah lah yang tu [itu] cuma abang E harap orang kata apa wayang kulit haa macamtu lah abang E harap.

PELAJAR :

(Ada pewarislah).

MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID

@ ABDULLAH :

Ada pewaris, ada yang lebih berminat supaya wayang kulit dia jadi bila orang sebut wayang kulit sebelah pantai timur macam mana ha sebelah utara macam mana hat tu [yang itu] lah bagi abang E harapan wayang kulit naik lagi.

PELAJAR :

Habis macam abang E kata yang Kedah ni [ini] lebih pada Thailand

MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID

Okay.

@ ABDULLAH :

PELAJAR :

Sebab apa yang Kelantan pantai timur dia tu [itu] lebih kepada Indon [Indonesia] sedangkan sempadan dengan Thailand juga?

MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID

@ ABDULLAH :

Ha hat [yang] tu [itu] hat tu [yang itu] cerita dia macam gini [ini] depa [mereka] yang macam di Kelantan dia macam ambik cerita tu [itu] cerita dia macam Seri Rama Citra Dewi tu [itu] lepaihtu [selepas itu] cerita tu [itu] dia pecah dia jadi cerita ni [ini] anak jadi apa dia kot mana dia ambik susur galur dari tu [itu]. Macam kita ni [ini] lebih kepada Siam dia banyak cerita teruih [terus], okay ni [ini] cerita ni [ini] cerita asing, cerita ni [ini] asing. Jadi abang E pun tak [tidak] tahulah juga macam mana kan yang lebih gambaq [gambar] lebih ada ala ala Indon [Indonesia] tu [itu] abang E *no comment* [komen] lah kan. Ada juga depa [mereka] tapi maklum lah zaman lah kan kita kata zaman baru buat lawak apa depa [mereka] ambik gambaq [gambar] Siam yang lawak lawak untuk masa dalam cerita depa [mereka] pun ada juga itu tak [tidak] menjadi masalah tak [tidak] menjahanamkan cerita pun pasai [sebab] orang kata lawak nak [hendak] bagi hidup cerita ja [sahaja] tu [itu] tak [tidak] ada

<p>PELAJAR :</p>	<p>masalah.</p> <p>Yang patung ni [ini] ada spesifik nama ke? Contohnya macam patung ni [ini] nama...</p>
<p>MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID @ ABDULLAH :</p>	<p>Ada ada cuma dua atau tiga patung saja yang ni [ini] macam kata gambaq [gambar] ni [ini] gambaq [gambar] ni [ini] tak [tidak] kisah tengok kita cerita, kalau cerita ni nama apa dalam cerita ni [ini] raja kita kata kan raja ni [ini] nama apa, dalam cerita ni [ini] dia nama ni [ini] lepas tu [itu] macam lawak lawak ni [ini] dia memang khusus lah dia kalau dalam setiap cerita kita bawa geng lawak ni kena ada depa [mereka] akan keluar lepas tu [itu] nama depa [mereka] tak [tidak] ubahlah kalau kata nama mamat, mamat lah. Ha dia takkan [tidak kan] ubah ada watak watak utama kita kata lawak adalah kan watak dia.</p>
<p>PELAJAR :</p>	<p>Yang macam abang E kata yang Seri Rama Citra Dewi apa tu [itu] sketsa dia ke?</p>
<p>MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID @ ABDULLAH :</p>	<p>Haa [ya] ceritalah. Cerita dia lah. Kan apa cerita Seri Rama, Citra Dewi pernah dengaq dak [dengar tak] ?</p>
<p>PELAJAR :</p>	<p>Tak [tidak] tahu tak [tidak] pernah dengar.</p>

MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID @ ABDULLAH :	Haa [ya] ceritalah. Cerita dia Kelantan dia lebih kepada macam tu [itu]. Dia lebih kepada cerita tu [itu].
PELAJAR :	Oh, Kelantan ni [ini] dia ambil cerita yang betul betul?
MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID @ ABDULLAH :	Haa [ya] dia ambik cerita tu [itu]. Pasai tu [pasal itu] yang dia gambaq [gambar] tak [tidak] boleh ubah lah. Dia tak [tidak] kan ubah kalau kata cerita Seri Rama, Citra Dewi okay ni gambaq [gambar] citra Dewi dia tak [tidak] boleh ubah hat ni [yang ini] tak [tidak] boleh ubah hat ni [yang] [ini] kita kata macam tu [ini].
PELAJAR :	Oh, kira macam kalau abang E nak buat yang berdasarkan cerita pastu [selepas itu] nak masukkan dalam wayang kulit patung dia kena watak patung sama sama betul?
MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID @ ABDULLAH :	Taklah [tidaklah]. Tukar pun tak [tidak] apa.
PELAJAR :	Oh, takpa [tidak apa].
MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID @ ABDULLAH :	Macam sebelah kita lah. Sebelah sebelah sebelah apa utara kita lah. Macam kata hari ini abang E nak [hendak] main cerita ni [ini] abang E ambiklah gambaq (gambar) mana pun tak [tidak] apa yang agak sesuailah tapi macam watak lawak dia tak [tidak] bolehlah. Macam kata okay

macam apa macam sebelah Kelantan *famous* [terkenal] apa Samad watak lawak dia kan Wak Dogoi watak watak tu dia tak [tidak] kan ubah dah rupa dia pun memang macam tulah [itu lah]. Macamlah geng geng ni [ini]] rupa pun rupa tu [itu] dan dalam cerita apa pun boleh masuk tanpa tukaq [tukar] cerita eh tukaq [tukar] nama.

PELAJAR :

Maknanya dekat Thailand memang ada kedai yang jual barang barang ni [ini] ?

**MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID
@ ABDULLAH :**

Ada ada. Dia ada kedai, dia ada tempat buat dia.

PELAJAR :

Kiranya macam abang E ni [ini] kan generasi yang ke 7 kiranya dari moyang lah generasi pertama ni [ini] ?

**MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID
@ ABDULLAH :**

Haa ya.

PELAJAR :

Sejak tahun bila eh?

**MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID
@ ABDULLAH :**

Hat tu [yang itu] abang E tak [tidak] tahu lah.

PELAJAR :

Family [keluarga] Abang E ada darah darah Thailand?

**MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID
@ ABDULLAH :**

Memang ada. Memang berdarah Thailand lah. Kan sebelah kedah kita ni [ini] boleh (boleh) kata semua banyak berdarah

Thailand lah kita kata kan pasal kita rapat sangat macam haa lebih kurang Kelantan lah kan tu [itu] lah cerita dia. Tak [tidak] semestinya yang abang E ni [ini] apa main wayang kulit berdarah Thailand tak [tidak] semestinya ada yang tak [tidak] main wayang kulit tapi [tetapi] berdarah Thailand pun ada juga.

PELAJAR :

Tapi kebanyakkan nya yang main wayang kulit tu [itu] kalau generasi ke generasi tu [itu].

**MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID
@ ABDULLAH :**

Haa [ya] generasi ke generasi. Wayang kulit sebelah kita ni [ini] sebelah Kedah kita dia tekan kepada cakap Siam lah. Haa [ya] dia macam tu [itu]. Kalau boleh, boleh cakap Siam.

PELAJAR :

Abang E boleh cakap Siam?

**MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID
@ ABDULLAH :**

Boleh lah sikit sikit.

PELAJAR :

Sikit.

**MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID
@ ABDULLAH :**

Nak cakap apa? Nak suruh kata apa?

PELAJAR :

Macam perkenalkan Sri Nerang punya ni [ini]

**MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID
@ ABDULLAH :**

Haa [ya] okay. Nak cari ayat celah tu [itu] sesak juga tu [itu]. Okay dia macam ni

[ini] kata sikit lah ye.

PELAJAR :

Haa [ya] sikit pun takpa [tidak apa]

MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID

Sawadibi mai, sawadi wan na songkai .

@ ABDULLAH :

Ha dah [sudah] lah tu.

PELAJAR :

Abang E pernah ke buat wayang kulit ni [ini] dalam..

MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID

Haa pernah pernah. Kan sebelah kita kan banyak Siam kan. Kadang kadang ada kampung kita orang melayu tapi [tetapi] kampung tu [itu] cakap siam semua macam ni [ini] Bukit Lada tu [itu]. Situ kalau depa [mereka] panggil abang E pi [pergi] memang lebih kepada cakap Siam lah. Menyanyi menyanyi syair dia tu [itu] depa [mereka] tak [tidak] mahu lah melayu depa [mereka] nak [hendak] Siam lah, depa [mereka] nak [hendak] bagi bunyi Siam. Wayang kulit ni [ini] dia kena lebih pada pelek [loghat] Siam, pelek [loghat] dia kena lebih Siam. Sapa [siapa] main pun tak [tidak] apa tapi [tetapi] kena pelek [loghat] Siam, kalau pelek [loghat] KL [Kuala Lumpur] tak [tidak] masuklah.

PELAJAR :

Dia kena ada loghat lah.

MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID

Ya dia kena ada loghat. Bukan, abang E bukan ni lah [ini lah] kita tengok macam ini okay tapi bila dia duduk di kain kita

@ ABDULLAH :

cakap KL [Kuala Lumpur] lah kita kata kan tak [tidak] pun cakap Kelantan automatik jadi..

PELAJAR :

Jadi lain lah.

**MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID
@ ABDULLAH :**

Jadi lain tak hidup. Sama macam gambaq [gambar] Kelantan kita ambik mai [mari] cakap pelek [loghat] Siam memang jadi pelik lah. Orang yang tengok pun depa [mereka] kata pelik. Cerita dia yang abang E rasa hebatnya tentang wayang kulit tang tu lah [tentang itu lah]. Dia macam gambaq [gambar], gambaq [gambar] kita yang macam ni [ini] pelek [loghat] Siam kalau tak [tidak] pelek [loghat] Siam tak [tidak] kena.

PELAJAR :

Kiranya abang E pernah buat sketsa dalam semua Siam?

**MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID
@ ABDULLAH :**

Haa [ya] pernah.

PELAJAR :

Tergeliat jadi.

**MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID
@ ABDULLAH :**

Tak [tidak] ada lah. Liat sikit sikit tu [itu].

PELAJAR :

Kalau macam patung pun dengan yang belah pantai timur sama je [saja] kan dia guna?

MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID

Pantai timur yang macam ni [ini] takdak

@ ABDULLAH :	[tidak ada] , ha yang macam ni [ini] takdak [tidak ada]. Abang E takdak [tidak ada] gambar yang belah pantai timur punya kalau tak [tidak] boleh abang E tunjuk satu dua kan
PELAJAR :	Dia lain patung sini dengan patung sana kan?
MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID	Haa ya lain, lain. Cuba <i>google</i> tengok.
@ ABDULLAH :	Tak [tidak] apa lah lepas lepas ni [ini] <i>google</i> tengok. <i>Google</i> yang nilah [ini] lah] kita kata yang paling mudah. Cuba cari patung wayang kulit kita kata Seri Rama. Haa [ya] cari Seri Rama.
PELAJAR :	Bukan ke ada kelab Seri Rama ke?
MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID	Tak [tidak] tahu. Kat [dekat] mana kat
@ ABDULLAH :	[dekat] Kedah ka ke ? Kat [dekat] Kelantan ada kot.
PELAJAR :	Abang E pernah tengoklah yang Kelantan buat persembahan?
MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID	Haa [ya] pernah tapi Kelantan main dia
@ ABDULLAH :	banyak teknik dia macam mana eh dia banyak betul betul cakap Kelantan.
PELAJAR :	Kelantan pior [pekat].
MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID	Haa [ya] Kelantan pior [pekat] na.
@ ABDULLAH :	
PELAJAR :	Dia guna bulu apa ni [ini] ?

- MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID** Kambing
- @ ABDULLAH :**
- PELAJAR :** Oh, bulu kambing.
- MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID** Tak mboh [tidak mahu] dah kan. Cuma
- @ ABDULLAH :** orang kata apa buh [letak] kulit jelah [sahaja lah].
- PELAJAR :** Ni [ini] lepas buat kan, lepas buat kan ukir cat cat kan jemur terus ke?
- MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID** Haa ya. Itu sepuluh tahun dah tu [itu], tu
- @ ABDULLAH :** [itu] gambaq [gambar] tu [itu]. Ada lagi gambaq [gambar] lama lama pun ada lagi tapi saja abang E tak [tidak] bagi buat keluaq [keluar]
- PELAJAR :** Dia macam tak [tidak] mudah rosaklah kan mudah koyak apa tu [itu]?
- MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID** Haa ya dia tak [tidak] mudah. Dia
- @ ABDULLAH :** memang payah rosak.
- PELAJAR :** Biasa lah kan biasa rosak sebab benda apa?
- MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID** Sebab dia salah satunya waktu kita
- @ ABDULLAH :** simpan tu [itu], bila kita simpan dia terkepak [terlipat]. Bila sampai satu tahap kita kalut kalut habis habis lah [merujuk kepada patung wayang kulit] kalau ambik tangan lain pun dia tak [tidak] masuk lah. Mahu tak mahu dia kena cari satu lah.

PELAJAR :	Dia ukir nikan [ini kan] dia memang maksud dia ada gambar ke?
MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID @ ABDULLAH :	Takdak takdak [tidak ada].
PELAJAR :	Dia macam fikir sendiri lepas tu [itu] ukir?
MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID @ ABDULLAH :	Abang E pernah pergi tempah gambaq [gambar] dulu sekali kat sanalah bukan dekat kita lah dia cacat tahu.
PELAJAR :	Orang yang buat tu [itu] ?
MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID @ ABDULLAH :	Orang yang buat tu [itu]. Abang E pergi rumah dia sendiri.
PELAJAR :	Thailand dekat mana?
MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID @ ABDULLAH :	Ha Thailand dekat Natkon. Ha Natkon kan Natkon Sitamarat tu [itu] kat [dekat] situ lah. Dia duduk atas ni [ini] duduk atas ha duduk atas cacat ni [ini] kaki kaki cacat tangan cacat tapi Abang E respect dia, dia cuma tanya abang E gambaq [gambar] wayang kulit ni [ini] nak [hendak] ala mana. Ala pertengahan, ala kuno dulu, ala pertengahan ataupun ala baru. Ala baru ni [ini] ada gitar macam tulah [itu lah] kita kata kan yang style baru lah kan. Abang E kata pertengahan pasai [pasal] teknik kita cerita kita main tu [itu] yang ala ala pertengahan. Agak kata

zaman lama pun dia boleh masuk zaman baru pun dia boleh masuk. Dia pun buat lah, dia pakai kapit [pegang] pensil sini. Wui cantik. Itu cuma dia lakar bunga bunga baru.

PELAJAR : Kiranya dia terus lakar atas...

MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID Lakar atas kertas.

@ ABDULLAH :

PELAJAR : Oh, lakar atas kertas dulu.

MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID Lakar atas kertas dulu nak tunjuk je lah

@ ABDULLAH : [sahaja] lepas tu [itu] dia buat macam mana abang E tak [tidak] tahu lah kan. Ada orang tolong tebuk lebih kuranglah kan, mungkin ada. Kalau customine yang buat gambaq [gambar] tu [itu]. Dia yang reka gambar macam mana macam mana tu [itu].

PELAJAR : Yang tebuk ni [ini] yang susah kan [merujuk patung wayang kulit] .

MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID Ya.

@ ABDULLAH :

PELAJAR : Yang nak tebuk tebuk [merujuk pada patung wayang kulit] ni yang susah tu [itu] kan?

MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID Ya yang nak tebuk ni [ini] yang susah tapi

@ ABDULLAH : dia ada alat dia. Nak kata susah pun tak

[tidak] lah susah sangat pasai [pasal] dia ada alat dia kan pap pap pap [menebuk lubang] je [sahaja]. Ikut line [garis] lah kita nak corak macam mana.

PELAJAR :

Kiranya wayang kulit ni [ini] kalau dalang tak [tidak] ada, tak [tidak] ada lah wayang kulit tu [itu]?

**MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID
@ ABDULLAH :**

Habis, habislah. Dia dalang tulah [itu lah] penting suara dia. Kalau kata dalang tu [itu] suara tak [tidak] ada habis jugalah. Kan sebab wayang kulit dia lebih pada suara dia tak [tidak] lebih pada pergerakan kita kata kan kot [ikut] mana pun dia kena suara dulu.

PELAJAR :

Kalau macam satu sketsa tu [itu] ada lima watak, lima lah suara?

**MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID
@ ABDULLAH :**

Haa ya lima lah.

PELAJAR :

Kena lain lain lah tu [itu]?

**MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID
@ ABDULLAH :**

Haa [ya] dalang tu [itu] kena jadi lain lain lah. Kalau kata tujuh ke okay perempuan dia jumpa gasi [gergasi] ha gasi [gergasi] kena bunyi gasi [gergasi] lah tapi [tetapi] bagi abang E perempuan lah yang susah bagi abang E suara perempuan lah susah maklum sajalah [sahajalah]

- PELAJAR :** Yang main ni [ini] orang muda ke tua?
- MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID** Muda. Lani [sekarang] semua muda.
@ ABDULLAH : Boleh kata semua muda muda yang pelapis yang tua tua dulu pun masih ada lagi cuma orang kata depa...
- PELAJAR :** Suruh budak budak lah main.
- MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID** Haa [ya] suruh budak budak.
@ ABDULLAH :
- PELAJAR :** Ni [ini] benda apa yang kecil ni [ini]?
- MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID** Ni [ini] kita panggil mong [merujuk kepada lat muzik], hat tu [yang itu] kita panggil cing. Orang panggil cingnong. Untuk sorang [seorang] lah sorang [seorang] main dia memang teknik main wayang kulit yang ni [ini] dengan hat tu [yang itu] dia pukul sorang [seorang] saja [sahaja] tapi dalam *show* [persembahan] tu [itu] ikut kita lah main apa dia tak ada pantang larang ka [ke] apa.
- PELAJAR :** Kadang kadang kan yang memuja tu [itu] kan wayang kulit macam abang E kata ada telur, pulut kuning tu [itu] kan dia untuk apa? Untuk buat orang yang main tu [itu] tak [tidak] sedar ke macam mana?
- MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID** Eish, tak [tidak] tahulah abang E. Abang
@ ABDULLAH : E tak [tidak] boleh nak kata apa kalau yang tu [itu]. Dia dulu [dahulu] dulu

[dahulu] depa [mereka] lebih kepada untuk jaga tempat. Macam kata nak main tu [itu]. Orang dulu dulu depa [mereka] main sampai sayut [perlahan] dia mula daripada sebelas, dua belas, satu sampai pagi. Tapi bila depan main waktu tu [itu] apa nama dia perlukan kuasa mistik juga untuk kawal tempat tu [itu]. Dia takut ada yang terasuk. Dia lebih macam tu [itu] sebenarnya. Kadang kadang ada juga yang cina lah kan yang cina depa mai [mari] tanya yang ala ala mistik saja. Abang E cerita lah sikit sikit mana yang boleh kan. Abang E kata sebenarnya [sebenarnya] dia bukan puja kepada apa apa abang E kata macam tu [itu] lah. Abang E kata yang ikut tu [itu] untuk keselamatan lah kita katakan.

PELAJAR :

Bukan untuk suruh orang yang tak [tidak] main tu [itu] ke apa sedar.

MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID

@ ABDULLAH :

Eh dak dak [tidak tidak]. Bukan lah orang yang main tu [itu] tak [tidak] sedaq [sedar]. Dia sedaq [sedar] kalau tak [tidak] sedaq [sedar] nak [hendak] main macam mana. Ada juga yang tanya abang E, waktu abang E main tu [itu] abang E sedaq [sedar] tak [tidak]. Kata sedaq [sedar], tak [tidak] sedaq [sedar] macam mana nak [hendak] main kan, abang E

kata macam tulah [itu lah]. Dia kepada nak jaga orang yang tengok, dulu lah.

PELAJAR :

Dululah, sekarang tak [tidak] ada kan.

MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID

@ ABDULLAH :

Cuma macam lah abang E, abang E bawa juga keris, pinang tu [itu] abang E memang bawa yang orang kata tapak pinang tapak sirih. Kadang kadang depa [mereka] tanya bawa untuk apa, abang E kata macam ni [ini] jelah [sahaja lah] abang E bawa supaya orang tahu wayang kulit ni [ini] salah satunya ada benda ni [ini] tak [tidak] semestinya kita bawa kita kena puja ka [ke] apa kita katakan. Sekurangnya, okay wayang kulit syarat macam ni senang cakap kalau main silat tapi pakai rebana orang nak [hendak] panggil apa, nak [hendak] panggil silat ke menari atau nak panggil joget. Samalah wayang kulit pun, main wayang kulit kita bagi adalah syarat dia. Tak [tidak] semestinya syarat orang kata tu kena puja ka. Hat tu [yang itulah] lah abang E dok [tengah] perbetulkan pasal usul pemujaan takda [tak ada] kat [dekat] situ.

PELAJAR :

Nama ni [ini] apa?

MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID

@ ABDULLAH :

Yang ini nama dia em.. Nunui [patung wayung kulit]

PELAJAR :	Nama ni [ini] bagi sendiri ke memang ada?
MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID @ ABDULLAH :	Eh dak dak [tidak]. Yang ini memang dah ada. Standard dia ikut sejarah Nunui, Ehkin, Etong.
PELAJAR :	Nunui, Etong , Ehkin [merujuk patung wayang kulit].
MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID @ ABDULLAH :	Semaun. Abang E pun heran [hairan] juga kenapa depa [mereka] panggil Semaun dia memang dari dulu watak dia dari dulu orang kata..
PELAJAR :	Yang ni [ini] ke Semaun tu [itu]?
MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID @ ABDULLAH :	Haa [ya]
PELAJAR :	Dia ni [ini] macam binatang ke apa?
MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID @ ABDULLAH :	Haa [ya]. Dia nak macam nak lembu kan. Dia rupa memang macam tu [itu]. Kalau kita tanya tapi kita sini takda [tak ada] dah lah yang kata wayang kulit tu [itu]. Kalau kita pi [pergi] sebelah sana kalau kita tanya depa [mereka] ni [ini] nama apa memang depa [mereka] habaq [bagitahu] Nunui. Hat ni [yang ini] memang dah tahu dah ni [ini] Nunui, ni [ini] Ehkin
PELAJAR :	Kalau yang macam ni [ini] laki [lelaki] ke perempuan?

- MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID** Yang ni [ini] perempuan. Orang
@ ABDULLAH : perempuankan tapi gasi [gergasi]. Gasi [gergasi] kan lebih pada bulu bulu banyak ada siul.
- PELAJAR :** Oh, kalau yang dah ada nama tu [itu]...
- MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID** Kita tak [tidak] ubah dah lah nama dia.
@ ABDULLAH :
- PELAJAR :** Oh, tak ubah kalau yang takda [tidak ada] tu [itu] boleh je [sahaja] ?
- MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID** Haa [ya] boleh je [sahaja]. Watak dia
@ ABDULLAH : watak utama tu [itu] kalau ikut geng geng ni [ini] depa [mereka] kena keluaq [keluar] lah. Pasai [pasal] apa kata kena keluaq [keluar] tu [itu] lawak depa [mereka] yang akan bawa akan menceriakan cerita tu [itu]. Kalau takda depa [mereka] jadi tak lawak jadi biasa jelah [sahajalah] cerita tu [itu].
- PELAJAR :** Oh, maknanya setiap sketsa tu Etong, Nunui tu kena ada?
- MUHAMMAD NAZRI BIN HAMID** Haah kena ada. Kalau tak [tidak] ada jadi
@ ABDULLAH : tak [tidak] meriahlah.

LOG TEMUBUAL**Audio 1**

MASA	PERKARA	CATATAN
00:07:40	Memberitahu latar belakang hidup beliau.	Nama penuh beliau Muhamad Nazri bin Hamid @ Abdullah. Berumur 42 tahun, mempunyai seorang isteri dan dua orang anak. Bermula bermain wayang sejak beliau masih kecil dan beliau adalah generasi yang ke 7 bermain wayang kulit Sri Nerang.
00:09.50	Menceritakan sejarah wayang kulit.	Wayang kulit Sri Nerang bermula daripada kerajaan Kedah tua pada zaman dahulu. Indonesia telah membawa masuk wayang kulit ke negeri Kedah.
00:12:32	Menceritakan permulaan beliau bermain wayang kulit.	Beliau bermula bermain wayang kulit daripada keluarganya sendiri. Beliau mula bermain dari usia 20tahun dan bermain dengan alat muzik wayang kulit sejak kecil lagi.
00:14:20	Memberitahu berapa lama pengalaman untuk mahir bermain wayang kulit.	Beliau mengambil masa yang agak lama untuk mahir bermain wayang kulit dan disamping itu beliau juga telah

		mempunyai asas bermain main wayang kulit.
00:15:32	Memberitahu tentang beliau semasa mengendalikan persembahan wayang kulit.	Semasa bermain wayang kulit hanya beliau seorang sahaja yang berada di sebalik tabir kain dan yang menggerakkan patung dan juga menggunakan suara beliau.
00:16:29	Menceritakan perbezaan wayang kulit Sri Nerang dan wayang kulit di pantai timur.	Perbezaan wayang kulit Sri Nerang dan di pantai timur mempunyai banyak perbezaan. Salah satunya adalah alat muzik. Sebelah pantai timur bermain mengikut ala Indonesia dan wayang kulit Sri Nerang lebih kepada ala Siam.
00:19:19	Memberitahu berapa banyak wayang kulit di Kedah	Menurut beliau terdapat banyak kumpulan wayang kulit di negeri Kedah. Selepas itu tinggal dua kumpulan seperti Sri Asung dan Sri Nerang. Setelah tok dalang Sri Asung meninggal dunia tinggal lah wayang kulit Sri Nerang.

00:19:50	Memberitahu tentang wayang kulit Sri Nerang terlibat dengan persembahan luar	Wayang kulit Sri Nerang selalu terlibat dengan persembahan kebudayaan. Terlibat juga dengan majlis santai seperti majlis perkahwinan.
00:20:00	Memberitahu pernah atau tidak wayang kulit Sri Nerang mendapat anugerah	Wayang kulit Sri Nerang tidak mendapat sebarang anugerah lagi.
00:21:50	Menceritakan cabaran beliau sepanjang mengetuai wayang kulit Sri Nerang	Cabaran dalam ahli kumpulan iaitu disiplin ahli kumpulan. Cabaran lain semasa hari persembahan seperti tidak menepati masa dan mendapat soalan yang pelik daripada penonton persembahan seperti tidak menepati masa dan mendapat soalan yang pelik daripada penonton.
00:25:58	Memberitahu siapa lagi yang terlibat bersama beliau semasa persembahan	Beliau mempunyai ttujuh orang anak buah yang terlibat bersama semasa persembahan berlansung.
00:26:47	Memberitahu cerita yang selalu dilakonkankan semasa persembahan wayang kulit	Permulaan persembahan kena buka panggung dan terus memulakan cerita. Selalu juga mengikut permintaan cerita daripada orang setempat.

00:29:56	Memberitahu berapa lama masa yang diambil dalam satu persembahan wayang kulit	Masa yang diambil adalah mengikut cerita yang disampaikan dan selalunya mengambil masa selama dua jam tanpa berhenti.
00:30:01	Memberitahu wayang kulit Sri Nerang menerima persembahan untuk majlis formal	Wayang kulit Sri Nerang menerima persembahan untuk majlis formal dan kumpulan wayang kulit ini adalah dibawah JKMM Negeri Kedah.
00:31:02	Memberitahu berapa lama latihan yang dibuat sebelum persembahan	Latihan dilakukan setiap minggu seperti bermain dengan alat muzik.
00:31:57	Menceritakan perbezaan jenis patung wayang kulit	Kebanyakan patung dibeli di Siam. Patung wayang kulit di pantai timur khusus hanya satu patung untuk satu cerita berbanding patung wayang kulit Sri Nerang satu patung boleh digunakan banyak watak. Beza kesukaran untuk membuat patung wayang kulit juga akan membezakan harga setiap patung. Patung wayang kulit diperbuat daripada kulit kambing.

00:37:00	Menceritakan kos patung wayang kulit dan	Beliau menggunakan duitnya sendiri dan paling mahal satu patung adalah RM100.
00:37:22	Memberitahu berapa banyak patung yang digunakan dalam satu persembahan dan bagaimana beliau menukar suara didalam persembahan	Didalam satu persembahan akan menggunakan empat atau lima patung dalam masa selama satu jam. Jika didalam satu cerita mempunyai banyak watak akan menggunakan banyak patung. Untuk menukar suara pula, perlu membuat latihan yang kerap.
00:39:40	Memberitahu alat muzik yang selalu digunakan dan muzik yang digunakan sama ataupun tidak semasa persembahan	Alat muzik yang selalu digunakan seperti serunai, gedombak, ketumpun, mong, gendang anak dan ibu. Muzik yang dimainkan juga mengikut keadaan dan watak.
00:41:28	Menceritakan penyediaan pentas wayang kulit	Pentas wayang kulit akan disediakan sendiri oleh beliau dan ahli kumpulan wayang kulit.

Audio 2

MASA	PERKARA	CATATAN

00:03:00	Memberitahu siapakan yang boleh bermain wayang kulit	Menurut beliau perempuan juga boleh bermain wayang kulit dan juga boleh menjadi tok dalang.
00:06:40	Menceritakan pengalaman beliau menguruskan wayang kulit Sri Nerang	Beliau telah mnguruskan wayang kulit Sri Nerang setelah ayah beliau meninggal dunia. Segala idea persembahan beliau cari sendiri.
00:08:19	Menceritakan peranan watak di dalam persembahan	Terdapat hero lelaki dan ada juga sesetengah cerita menggunakan hero perempuan. Watak lawak yang terdapat di dalam cerita adalah mengikut atas tok dalang itu sendiri. Setiap sketsa mesti mempunyai unsur lawak.
00:20:01	Memberitahu alat muzik yang digunakan sama atau tidak dengan wayang kulit di pantai tidur	Alat muzik yang adalah sama oleh kedua wayang kulit di pantai timur dan juga Sri Nerang
00:27:01	Memberitahu berapa lama untuk mahir bermain dengan patung wayang kulit	Untuk mahir bermain patung wayang kulit kena bermain sekali suara untuk hidupkannya. Teknik lain pula, jika patung yang digunakan adalah perempuan suara juga perlu diubah

		menjadi perempuan.
--	--	--------------------

00:30:00	Memberitahu harapan beliau untuk wayang kulit Sri Nerang	Beliau mengharapkan wayang kulit Sri Nerang ada generasi yang akan menyambung untuk meneruskan wayang kulit ini.
00:33:14	Menceritakan tentang patung wayang kulit	Setiap patung mempunyai namanya tersendiri dan nama setiap patung tidak diubah.
00:43:00	Menceritakan pengalaman beliau melihat orang melakar patung wayang kulit	Beliau pergi ke Thailand dan orang yang melakar itu seorang yang orang kurang upaya.

INDEKS

A

Alat muzik

Anak didik

B

Bulu Kambing

C

Cabaran

Cerita dilakonkan

G

Geduk

Gendang anak

Gendang ibu

Generasi ketujuh wayang kulit Sri Nerang

H

Harga patung wayang kulit

I

Indonesia

K

Kedah tua

Ketupun

Kos beli patung

L

Latihan wayang kulit

Loghat kedah

M

Majlis kenduri

Mong cing

Muzik sketsa

N

Natkon

Natkon Sitamarat

P

Pattalung

Pentas wayang kulit

Perbezaan patung wayang kulit

Perbezaan wayang kulit pantai timur dengan Sri Nerang

Persembahan wayang kulit

S

Sejarah wayang kulit

Serunai

Siam

Sketsa persembahan

Suara watak sketsa

Syair

T

Teknik wayang kulit

Teknik pembuatan patung

Tok Dalang

Thailand

U

Unsur mistik

Unsur tradisi

W

Warna patung wayang kulit

Watak wayang kulit

Wayang kulit

Wayang kulit Sri Nerang

Wayang kulit pantai timur

RALAT

1. Bunyi hujan
2. Bunyi Televisyen

RUJUKAN

Nazri bin Hamid @ Abdullah. (4 November 2017). Temubual bersama Nazri bin Hamid @ Abdullah tentang Wayang Kulit Sri Nerang. [Interview].

SURAT PERJANJIAN



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PERJANJIAN MENGENAI SEJARAH LISAN

Syarat-syarat mengenai wawancara/temubual yang telah diadakan antara Universiti Teknologi MARA dengan ENCIK MAJRI BIN HAMID @ ABDULLAH

Pada 4 NOVEMBER 2017

1. Pita rakaman hasil wawancara/temubual yang tersebut di atas adalah diserahkan kepada Universiti Teknologi MARA untuk disimpan buat selama-lamanya.
2. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA akan mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu untuk memelihara pita rakaman ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip pita rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh pengkisah (Interviewee).
4. Pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negeri yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah tanpa syarat-syarat / dengan syarat: -

Apabila petikan diambil dari pita rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dan lain-lain, sumbernya hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.

5. Adalah dipersetujui bahawa pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada penyelidik-penyelidik dalam dan luar negeri mulai dari (tarikh). Dipersetujui pada oleh kedua pihak yang berkenaan.

.....
Pengkisah (Interviewee)

.....
Ketua Pusat Pengajian
Fakulti Pengurusan Maklumat
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah

SENARAI SOALAN

1. Latar belakang nama, umur, anak berapa orang ?
2. Boleh ceritakan tentang sejarah wayang kulit
3. Belajar pasal wayang kulit ni daripada nenek moyang, datuk zaman dulu lagi ?
4. Adakah daripada warisan keluarga ?
5. Mula main wayang kulit pada umur berapa tahun ?
6. Adakah mula biasakan main dengan alat muzik dulu kemudian dengan wayang kulit ?
7. Berapa lama masa untuk mahir wayang kulit ?
8. Wayang kulit ni banyak watak kan, berapa orang yang terlibat sama ketika persembahan ?
9. Yang alihkan suara ketika persembahan itu siapa ?
10. Apakah perbezaan wayang kulit pantai timur dan juga wayang kulit Sri Nerang di kedah ?
11. Adakah yang Sri Nerang lebih mengikut ala Thailand ?
12. Adakah kat kedah ini hanya ada wayang kulit Sri Nerang sahaja ?
13. Wayang kulit Sri Nerang ini selalu terlibat dengan majlis-majlis kahwin ke ?
14. Wayang kulit Sri Nerang ini pernah mendapat anugerah ?
15. Sepanjang menguruskan wayang kulit Sri Nerang apakah cabaran yang biasa atau susahnya nak tangani ?
16. Adakah wayang kulit masih mempunyai unsur mistik ?

17. Siapakah lagi yang membawa nama wayang kulit Sri Nerang ini ?
18. Adakah mempunyai anak didik dibawah bimbingan ?
19. Adakah setiap kali persembahan anak didik akan terlibat sama ?
20. Boleh ceritakan cerita atau sketsa yang selalu dilakonkan semasa persembahan ?
21. Adakah disetiap tempat akan mendapat sketsa yang sama atau berlainan ?
22. Kebiasaannya untuk sesuatu majlis berapa lamakah masa yang diambil untuk satu-satu sketsa tu ?
23. Adakah menerima juga undangan untuk majlis formal ?
24. Sebelum persembahan yang sebenar, berapa lama masa yang diambil untuk latihan ?
25. Dari segi alat muzik dan patung wayang kulit ditempah atau dibuat sendiri ?
27. Adakah harga satu-satu patung wayang kulit itu mahal harga ?
28. Adakah satu patung itu boleh digunakan untuk banyak sketsa atau cerita ?
29. Apakah perbezaan patung wayang kulit dari segi harga ?
30. Patung itu diperbuat daripada apa ?
31. Tunggu sehingga kering kemudian baru diukir atau macam mana ?
32. Biasanya wayang kulit ini waktu malam jadi macam mana teknik cahaya tu untuk penonton, jenis kain yang digunakan ?
33. Adakah kita sebagai penonton nampak warna asal patung ?
34. Adakah kita sebagai penonton akan melihat patung itu berwarna hitam atau tidak ?
35. Untuk kos beli patung wayang kulit adakah guna duit sendiri ?
36. Untuk kos beli patung wayang kulit adakah guna duit sendiri ?

37. Paling mahal harga patung berapa RM?
38. Biasanya dalam satu sketsa itu menggunakan berapa patung ?
39. Macam mana boleh tukarkan watak dari satu suara ke suara lain ?
40. Adakah memerlukan latihan yang kerap ?
41. Anak didik dibawah bimbingan sudah mahir atau belum ?
42. Adakah dalang seorang sahaja ?
43. Apakah jenis alat muzik yang digunakan oleh wayang kulit ?
44. Muzik untuk setiap sketsa itu sama atau berlainan ?
45. Sebelum start persembahan macam mana hendak siapkan pentas wayang kulit ?
46. Alat muzik dan patung wayang kulit disimpan dimana ?
47. Adakah patung wayang kulit mudah rosak ?
48. Adakah patung wayang kulit ini tahan lama ?
49. Macam mana teknik untuk pergerakan patung wayang kulit ?
50. Adakah mempunyai kerja sampingan yang lain ?
51. Jenis cat yang digunakan bagaimana ?
52. Adakah orang perempuan juga boleh menjadi Tok Dalang ?
53. Adakah cerita atau sketsa itu spontan ?
54. Adakah disetiap cerita atau sketsa itu mempunyai moral yang baik ?
55. Adakah unsur-unsur lawak itu perlu untuk setiap sketsa ?
56. Adakah setiap kali persembahan tidak memerlukan dua orang ?
57. Sudah berapa lama menguruskan wayang kulit Sri Nerang ?

58. Mula belajar daripada siapa ?
59. Adakah belajar sendiri atau keluarga ?
60. Adakah wayang kulit Sri Nerang ini daripada generasi terdahulu ?
61. Sekiranya orang perempuan menjadi dalang, adakah perlu untuk belajar semua jenis suara ?
62. Kalau dari segi lagu pula macam mana?
63. Semasa persembahan itu muzik dari alat muzik atau mempunyai spesifik lagu ?
64. Dimanakah selalunya latihan diadakan ?
65. Adakah setiap kali latihan semua akan berkumpul di tempat yang sama ?
66. Apakah jenis alat muzik yang digunakan ?
67. Adakah alat muzik Sri Nerang sama dengan yang pantai timur ?
68. Adakah alatan muzik dan patung wayang kulit ditempah di Siam ?
69. Adakah kos pembelian mahal ?
70. Semasa persembahan berapa orang yang diperlukan untuk pertolongan ?
71. Boleh senaraikan semua jenis alat muzik
72. Adakah setiap kali persembahan semua alat muzik diperlukan ?
73. Apakah perbezaan alat muzik pantai timur dan Sri Nerang ?
74. Adakah semasa persembahan menggunakan loghat Kedah ?
75. Boleh tunjukkan cara pegang patung wayang kulit ?
76. Macam mana untuk tukar patung ke watak yang lain ?
77. Berapa kerapkah menerima undangan persembahan ?


78. Adakah di Kedah ini wayang kulit Sri Nerang sahaja ?
79. Berapa lamakah masa untuk berlatih suara serta patung wayang kulit ?
80. Anak didik dikalangan umur berapa ?
81. Adakah mempunyai anak didik dikalangan lelaki dan perempuan ?
82. Mengapa wayang kulit pantai timur lebih ke arah Indonesia ?
83. Pernah atau tidak membuat persembahan didalam bahasa Thailand ?
84. Harapan untuk wayang kulit Sri Nerang

DIARI PENYELIDIKAN

Masa	Aktiviti
4/9/2017	Kelas pertama dimana pensyarah memberitahu tentang silibus subject dan meminta untuk memilih tokoh yang sesuai untuk ditemuramah bagi subjek Oral Documentation.
11/9/2017	Kelas seterusnya dimana Dr Azree menyuruh membentuk kumpulan untuk Oral Documentation.
18/9/2017	Semasa perbincangan di dalam kelas Dr Azree telah memberi arahan untuk mula memilih tajuk masing-masing yang sesuai untuk diinterview dan kami telah memilih tajuk “Pewaris Awang Batil” dan juga “Wayang Kulit Pantai Timur ” yang terdapat di Kelantan.
20/9/2017	Semasa mencari maklumat tentang wayang kulit pantai timur kami mendapat maklumat wayang kulit di negeri Kedah iaitu “ wayang kulit Sri Nerang Kedah”
2/10/2017	Kami telah berjumpa Dr Azree semasa perbincangan didalam kelas untuk memaklumkan tentang tokoh pilihan yang telah kami pilih dan juga Dr Azree telah memaklumkan untuk melakukan tapisan keselamatan.
2/10/2017	Kami mula mencetak surat tapisan kebenaran untuk mempercepatkan proses supaya mudah untuk proses temubual yang selanjutnya
2/10/2017	Tajuk kami telah dipersetujui oleh Dr Azree dan Dr Azree meminta kami untuk meneruskan proses seterusnya
5/10/2017	Kami mencari sedikit maklumat tentang wayang kulit Sri Nerang di Facebook page dan juga sesawang Google sebagai rujukan.
7/10/2017	Kami mencari alamat serta nombor telefon yang boleh dihubungi bagi mendapatkan maklum balas dari pihak wayang kulit Sri Nerang.
25/9/2017	Kami pergi ke Pejabat Polis Bantuan UITM Kedah untuk membuat tapisan keselamatan dan pihak polis telah membenarkan kami untuk terus melakukan temubual.
28/9/2017	Perbualan telefon kali kami dengan wakil wayang kulit Sri Nerang iaitu

	anak perempuan Tok Dalang itu sendiri untuk menemu bual Tok Dalang wayang kulit Sri Nerang serta penetapan tarikh.
8/10/2017	Tarikh yang telah ditetapkan untuk pergi menemubual tetapi tidak dapat dilakukan kerana kesibukan pihak kami.
22/10/2017	Perbualan telefon diantara kami dengan wakil wayang kulit Sri Nerang untuk ditemubual.
2/11/2017	Tarikh persetujuan diantara pihak wayang kulit Sri Nerang dan juga pihak kami untuk pergi menemu bual beliau dan tarikh 4/11/2017 telah ditetapkan untuk pergi menemubual Tok Dalang.
4/11/2017	Kami telah bertolak dari Sungai Petani dan menuju ke kediaman Tok Dalang di Kuala Nerang Kedah. Kami telah berjumpa dengan tokoh kami untuk mendapatkan maklumat tentang wayang kulit Sri Nerang
6/11/2017	Kami telah memberitahu tentang hasil temubual kami kepada Dr Azree
13/11/2017	Proses menulis transkrip telah dilakukan semasa kelas Oral Documentation dan segala butir wawancara tokoh telah dilakukan mengikut seperti yang telah ditetapkan.
17/11/2017	Proses menulis transkrip telah dilakukan
20/11/2017	Proses menulis transkrip telah dilakukan semasa kelas Oral Documentation dan segala butir wawancara tokoh telah dilakukan mengikut seperti yang telah ditetapkan.
24/11/2017	Proses menulis transkrip telah dilakukan
27/11/2017	Proses menulis transkrip telah dilakukan semasa kelas Oral Documentation dan segala butir wawancara tokoh telah dilakukan mengikut seperti yang telah ditetapkan
11/12/2017	Proses menulis transkrip telah dilakukan semasa kelas Oral Documentation dan segala butir wawancara tokoh telah dilakukan mengikut seperti yang telah ditetapkan
4/12/2017	Dr Azree telah memaklumkan tentang cara-cara memyusun tajuk untuk membuat article


GAMBAR



Gambar 1 : Patung Wayang Kulit



Gambar 2 : Gedombak



Gambar 3 : Ketupun



Gambar 4 : Mong



Gambar 5 : Serunai



Gambar 6 : Cing



Gambar 7 : Alatan Wayang Kulit Sri Nerang Kedah



Gambar 8 :Bersama Tok Dalang Wayang Kulit Sri Nerang Kedah